



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6439]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Jadual:

Maksud B. 27 dan B. 28 [Ruangan 6475]

Maksud B.29 [Ruangan 6512]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)—

Maksud P. 27 dan P. 28 [Ruangan 6475]

Maksud P. 29 [Ruangan 6513]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED
MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K., S.M.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.N., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 20hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KOPERASI ORANG-ORANG MELAYU

1. **Tuan Kamaluddin bin Maamor** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar bahawa kebanyakan Koperasi yang ditubuhkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia adalah berkeadaan hidup segan mati tak mahu, dan jika sedar, apakah rancangan Kementerian ini bagi membetulkan keadaan tersebut demi untuk pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan orang-orang Melayu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Koperasi-koperasi Bumiputra di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi pada masa ini adalah berjumlah sebanyak 523 buah di peringkat negeri-negeri dengan keahlian seramai 158,634. Saham-saham terkumpul sebanyak \$68,326,555 dan harta-harta bernilai \$145,396,189. Koperasi-koperasi Bumiputra di peringkat nasional (peringkat kebangsaan) pula adalah sebanyak 9 buah dengan ahli-ahli seramai 147,320 orang. Saham-saham terkumpul sebanyak \$109,005,622 dan harta-harta bernilai \$533,014,893. Kira-kira 70% daripada koperasi-koperasi di peringkat negeri-negeri kini sedang bergerak dengan maju, manakala koperasi-koperasi di peringkat kebangsaan

(peringkat nasional) juga pada keseluruhannya bergerak maju.

Sungguhpun begitu, usaha-usaha sedang dijalankan semoga semua koperasi-koperasi ini akan bertambah maju serta mengambil bahagian cergas dalam lapangan sosio-ekonomi sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan syarikat-syarikat kerjasama ini mengalami kekurangan modal untuk menjalankan perniagaan atau mengambil bahagian secara yang bermakna dan berkesan dan juga mereka kekurangan orang-orang yang mempunyai pengetahuan yang luas di dalam bidang pentadbiran dan selok-belok perniagaan.

Apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kementerian ini untuk membantu koperasi-koperasi yang berkenaan dalam bidang tersebut?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ada koperasi-koperasi yang mengalami kekurangan modal dan kekurangan dari segi tenaga pengurusan terutamanya koperasi-koperasi yang bergerak dalam sektor pertanian.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sememangnya mengambil tindakan-tindakan yang sesuai bagi membolehkan keadaan ini diperbaiki. Di antara langkah yang utama ialah memperhebatkan lagi latihan-latihan dan kursus-kursus yang kita berikan kepada mereka yang terus bertanggungjawab kepada

pentadbiran koperasi-koperasi terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Adalah menjadi harapan Kerajaan, dengan latihan dan kursus-kursus yang diberikan ini maka kecekapan akan bertambah yang bermakna juga kita akan dapat mengatasi berbagai-bagai masalah yang berkaitan dengannya dari semasa ke semasa.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah pihak Kementerian beliau untuk menjadikan syarikat kerjasama benar-benar tempat bergantung orang-orang luar bandar memenuhi keperluan hidup mereka dan tidak sekadar untuk memberi pinjaman untuk kahwin dan sebagainya.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan juga bahawa kita dapat mempertingkatkan prestasi koperasi-koperasi ini supaya sistem koperasi ini akan dapat menyumbang ke arah menambah kesejahteraan hidup orang-orang kita terutamanya di kawasan luar bandar.

Sepertimana yang disebutkan tadi, usaha utama yang patut kita buat ialah agar kita dapat mempertingkatkan kecekapan koperasi-koperasi ini, dengan yang demikian maka sistem ini dan orang yang terlibat di dalamnya akan dapat menyumbangkan tenaga mereka secara yang lebih bermakna dan berkesan untuk kepentingan orang ramai.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu faktor-faktor yang mengakibatkan sebanyak 30% koperasi di peringkat negeri atau kebangsaan yang mengalami kegagalan jika saya tidak silap dan hanya 70% yang bergiat dengan majunya dan juga adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, apa soalan tambahannya?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya apakah sebab musabab yang mengakibatkan hanya 70% koperasi yang maju dan 30% yang tidak maju dan juga adakah pergerakan koperasi ini merupakan salah satunya matlamat Dasar Ekonomi Baru

Kerajaan untuk mempertingkatkan taraf ekonomi kaum bumiputra?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi ialah koperasi-koperasi di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi iaitu koperasi-koperasi yang kebanyakannya mempunyai kegiatan di luar sektor pertanian. Bagi koperasi-koperasi di dalam sektor pertanian kalau tidak silap saya yang bertanggungjawab ialah Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Kementerian Pertanian. Bagaimanapun untuk response kepada soalan Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan memanglah ada yang kurang maju sebagaimana juga perniagaan-perniagaan lain di dalam pergerakan koperasi-koperasi itu kerana masalah-masalah yang sedia kita maklum seperti kekurangan modal, kurangnya orang yang berkebolehan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan perkara yang berkenaan.

Bagi Kerajaan kita ingin melihat pertubuhan koperasi ini bergerak dengan maju. Kita hanya boleh menyediakan infrastruktur atau prasarana untuk kemajuannya tetapi kemajuan sebenarnya bergantung kepada mereka yang secara langsung terlibat di dalam gerakan koperasi ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang benar hari ini kebanyakan koperasi bumiputra telah maju dan berjaya. Dengan berjayanya koperasi-koperasi ini sama ada di peringkat Negeri ataupun peringkat Daerah, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana koperasi-koperasi ini hari ini di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sama ada Kementerian ini bercadang di masa-masa yang akan datang untuk melibatkan lagi rakyat di dalam projek-projek pembangunan untuk menyalurkan projek-projek pembangunan terutama sekali di peringkat Daerah melalui koperasi-koperasi yang wujud di daerah?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi koperasi ini ada dua authority ataupun

pihak berkuasa. Satu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan satu lagi yang dalam sektor pertanian ialah di bawah Kementerian Pertanian. Bagi mengulas jawapan Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa pihak Kerajaan memang mengharapkan penglibatan dan penyertaan yang menyeluruh oleh sistem koperasi kita dalam menjayakan sebarang projek-projek pembangunan untuk rakyat di kawasan luar bandar.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut ada 9 Koperasi Kebangsaan di seluruh negara dan disebut pula 9 koperasi ini berjaya di dalam pentadbirannya pada sepanjang masa dan 523 koperasi cara kecil-kecilan di seluruh negara disebutkan 70% penghasilan dan 30% kurang berhasil. Jadi, adakah pihak Kerajaan bercadang supaya penubuhan koperasi di peringkat Negeri pula ditubuhkan di dalam negara ini yang boleh diikuti dengan cara peringkat Kebangsaan?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, ya, kita memang menggalakkan supaya koperasi-koperasi pada peringkat Negeri supaya mengintegrasikan diri mereka supaya mencapai pada tingkat Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan di akhir sekiranya ada masa.

TELEFON DI SEKOLAH KEBANGSAAN

3. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar hanya sebahagian kecil sahaja Sekolah Kebangsaan di negara ini ada telefon pada hal telefon tersangat mustahak bagi membantu pentadbiran tiap-tiap sekolah; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya semua

Sekolah Kebangsaan diberi peruntukan untuk dipasang telefon.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar bahawa sebilangan kecil sahaja sekolah-sekolah kebangsaan di negara ini yang menikmati perkhidmatan telefon walaupun perkhidmatan itu adalah dianggap sebagai mustahak bagi membantu pentadbiran tiap-tiap sekolah. Ini disebabkan beberapa faktor di antaranya ialah masalah peruntukan dan kemampuan pihak Jabatan Telekom mengadakan perkhidmatan seperti ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan memberi pertimbangan bagi menyediakan perkhidmatan telefon sekiranya kawasan sekolah-sekolah itu mempunyai talian telefon dan pihak Telekom sanggup menyediakan perkhidmatan tersebut.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sekolah bolehkah diiktiraf sebagai satu pejabat Kerajaan dan kalau boleh diiktiraf sebagai satu pejabat Kerajaan, tidakkah dapat tiap-tiap sekolah dipasang telefon dengan percuma tanpa dikenakan bayaran deposit dan lain-lain seperti hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan percuma hendak membekalkan, belum cukup lagi. Ada di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri. Tidak payahlah jawab lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri mengambil berat supaya telefon dapat dipasang keseluruhan sekolah-sekolah khususnya sekolah kebangsaan dan kebetulannya sebahagian besarnya memang boleh sampai telefon ke sekolah-sekolah tersebut. Soalan saya, adakah kadar bayaran masuk ini akan dibayar oleh Kementerian Pelajaran ataupun akan dibayar oleh pihak sekolah ini?

Yang kedua, bayaran bulanan siapa akan bayar, Kementerian Pelajarankah ataupun pihak sekolah ini? Jika hendak dibayar berapa

banyak maksima untuk dibayar pada tiap-tiap bulan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sama ada bayaran itu dibayar oleh sekolah, wangnya datang dari Kementerian Pelajaran juga. Apa yang kita buat bahawa pada tiap-tiap tahun kita memberi peruntukan untuk satu-satu negeri dan sebahagian daripada peruntukan itu digunakan untuk memasang telefon di mana yang difikirkan perlu dan dapat berbuat demikian.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari kebanyakan sekolah yang mempunyai telefon ialah datangnya ataupun digunakan perbelanjaannya daripada wang yang diperolehi pada setiap tahun. Sama ada wang itu dari perbelanjaan per kapita (mengikut keramaian murid-murid) ataupun ada satu peruntukan khas sebagaimana peruntukan Ilmu Hisab, peruntukan Sains, peruntukan Lukisan. Sama ada peruntukan yang boleh digunakan untuk telefon itu peruntukan daripada pemberian per kapita ataupun peruntukan khas.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan daripada per kapita, tidak ada peruntukan khas untuk telefon.

KEGIATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

4. **Tuan Haji Hashim bin Haji Endut** minta Menteri Pelajaran menjelaskan bahawa kegiatan liar seperti hisap dadah, pergi kelab malam dan disco dan sebagainya adalah sangat popular di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negeri; dan jalan keluar mengelaknya ialah kegiatan dakwah. Nyatakan peratus penuntut-penuntut kita yang terlibat dalam kedua-dua kegiatan itu dan berapa peratus pula dari mereka yang gagal mencapai matlamat pelajaran yang diharapkan oleh negara.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sebilangan penuntut-penuntut dari Malaysia terlibat dalam kegiatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda, tetapi saya

percaya bilangan seperti ini kalau adapun adalah kecil sahaja.

Adalah sukar bagi Kementerian Pelajaran menentukan peratusan yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda itu dan begitu juga tentang kegagalan mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran terutama sekali menerusi Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di luar Negeri memang mengambil berat atas perkara seperti ini dan langkah-langkah akan terus diambil untuk memastikan setakat yang boleh pelajar-pelajar kita tidak menyimpang dari matlamat sebenarnya mereka dihantar ke luar negeri.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di dalam soalan ini ada menyebutkan bahawa dakwah sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah ini, adakah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk memberi galakan yang sepenuhnya kepada kegiatan dakwah di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negeri dan adakah Kementerian Pelajaran juga akan berusaha untuk menghapuskan salah faham yang berlaku terhadap kegiatan dakwah di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat kita hendak menghapuskan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bahkan pada tiap-tiap tahun kita ada menghantarkan keluar negeri untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar kita tentang Islam. Pegawai-pegawai Ugama daripada Kementerian Pelajaran dan juga daripada Pusat Islam. Pada hari Isnin ini kita akan mengadakan satu mesyuarat dan perbincangan di antara Pengarah-pengarah Jabatan Penuntut Malaysia Luar Negeri dan di antara lain perkara yang akan dibincangkan termasuk masalah dakwah, masalah pengajian Islam dan terutama sekali mengenai masalah kebajikan pelajar-pelajar kita di luar negeri?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Pelajaran telah menerangkan bagaimana pihak Kementerian beliau adakah menghantar beberapa orang pegawai untuk menolong pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya ingin bertanya kepada

beliau oleh kerana pelajar-pelajar kita begitu rindu ataupun ingin sangat hendak berjumpa orang-orang Malaysia bolehkah Kementerian Pelajaran mencadangkan supaya tiap-tiap pemimpin kita atau Ahli-ahli Parlimen atau siapa sahaja yang pergi ke luar negeri, satu daripada tugas mereka dapat menemui para pelajar kita di luar negeri untuk membolehkan mereka berdialog dan mendengar fikiran mengenai Malaysia?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya ketahui bahawa memang ada pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai Kerajaan juga mengambil kesempatan sewaktu mereka bertugas di luar negeri untuk menemui dan berdialog dengan pelajar-pelajar kita. Umumanya, Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin lain, termasuklah saya sendiri baru-baru ini sengaja mengadakan satu majlis perjumpaan dengan pelajar-pelajar kita di Malaysia Hall.

BUNGA API—PENGHARAMAN

5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengharamkan bunga api yang boleh terbang yang dimainkan oleh orang ramai memandangkan semasa bulan puasa yang lalu ramai kanak-kanak dan belia telah tercedera dan kehilangan tangan kerana bermain bunga api ini dan juga ia adalah suatu punca yang menyebabkan kebakaran dan merugikan wang dan menjejaskan ekonomi orang Melayu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa permainan bunga api termasuk yang boleh terbang tidaklah diharamkan sekiranya ia bukan dari jenis yang meletup. Yang diharamkan ialah mercun dan jenis bunga api yang boleh meletup. Undang-undang berkenaan dengan bahan-bahan letupan ini terdapat dalam Akta Letupan 1957 (Semakan 1978). Mengenai permainan bunga api yang tidak diharamkan itu terpulanglah kepada ibubapa sendiri untuk mengawasi anak-anak mereka semasa bermain bunga api tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum menjawab, soalan ini ada mengandungi 4 pecahan, yang akhir itu kalau hendak diberi dari semenjak mula, bermakna sekarang sudah menyambut suku abad (Jubli Perak). Saya tak benarkan dijawab, melainkan dengan Jawab Bertulis. Yang Berhormat jawab macam mana?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tak begitu panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak panjang, bolehlah.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA— TENDER

6. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan sejak bilakah Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil peranan dan melibatkan diri di dalam bidang percetakan dan penerbitan. Nyatakan di dalam penglibatan itu sebanyak manakah golongan Bumiputra telah beroleh faedah, sama ada dari segi penyertaan atau perkongsian. Pernahkah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan tawaran (tender) untuk mencetak dan mengedarkan buku-buku penerbitannya dan Syarikat Bumiputra yang manakah kerap kali didapati berjaya memenangi tawaran yang berkenaan. Sila butirkan berapakah jumlah tawaran berkenaan sejak ia mula dilakukan hingga sekarang ini (bulan September, 1981).

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka mula melibatkan diri dalam usaha penerbitan dalam tahun 1957, dan dalam usaha percetakan dalam tahun 1972.

Hingga kini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan 2,260 judul buku dalam berbagai bidang pembacaan: Bahasa, Sastera, buku Teks, buku Umum untuk pembaca dewasa dan kanak-kanak. Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan dua

buah Journal yang dikeluarkan pada tiap-tiap 6 bulan dan 6 buah majalah bulanan.

Hampir 98% penulis buku, Journal dan majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka terdiri dari kaum bumiputra. Dewan Bahasa dan Pustaka membayar royalti kepada penulis di antara 10% hingga 15% untuk sebuah buku.

Untuk menjual buku kepada pembeli, Dewan Bahasa dan Pustaka, mengamalkan sistem Pengekar Tunggal Dewan. Sebanyak 30 syarikat pengedar buku Dewan Bahasa dan Pustaka terdapat di seluruh Malaysia, sebuah di Singapura dan sebuah di Bandar Sri Begawan di Brunei. Untuk menggalakkan penyertaan bumiputra dalam penjualan buku, Dewan memilih syarikat bumiputra menjadi pengedar tunggal buku Dewan.

Tawaran kerja percetakan kepada pencetak-pencetak tempatan ialah melalui proses tender. Dewan Bahasa dan Pustaka menyimpan satu senarai pencetak yang berdaftar dan hanya mereka ini saja yang layak dipertimbangkan untuk menawarkan diri bagi melaksanakan kerja-kerja percetakan. Sehingga kini sebanyak 58 pencetak bumiputera termasuk syarikat usahasama telah didaftarkan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Syarikat-syarikat ini menyertai tawaran tender Dewan Bahasa dan Pustaka. Semenjak tahun 1976 Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengeluarkan 26 tender untuk mencetak buku dan majalah. Percetakan Utusan Printcorp Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat bumiputera, telah berjaya menerima tawaran tender beberapa kali dengan nilai tender kini berjumlah \$1,149,224.

PAKAR MATA DI SARAWAK

7. **Tuan Racha Umong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Malaysia kekurangan doktor mata untuk menampung keperluan para pesakit, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini; dan sama ada beliau akan menimbang menempatkan seorang doktor mata di kawasan Bukit Mas di Limbang oleh kerana kawasan ini berdekatan dengan kawasan-

kawasan ulu dan kampung-kampung di pedalaman di mana penduduknya terlalu miskin untuk mampu terbang dari tempat-tempat mereka ke Miri dan Kuching d.s.b. bagi mendapat rawatan mata mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar tentang kekurangan pakar mata di negara ini. Sukacita saya menyatakan pada masa ini terdapat 16 orang Pakar Mata di Semenanjung Malaysia, 2 di Sabah dan 3 di Sarawak. Kementerian akan terus berikhtiar bagi mengatasi kekurangan ini dengan mengambil Pakar-pakar dari Luar Negeri dan juga menawarkan hadiah biasiswa dan kemudahan cuti belajar kepada doktor-doktor kita untuk memperolehi kelulusan lanjutan kepakaran dalam bidang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 orang Pakar Mata di negeri Sarawak yang mana telah ditempatkan di Hospital Besar Kuching, Sibuan dan Miri. Penyakit yang tidak begitu tenat boleh dirawat oleh Pegawai Perubatan. Di negeri Sarawak pula, pesakit-pesakit berkenaan boleh mendapat rawatan mata di Klinik-klinik Desa, Dispensari Tetap dan di Hospital-hospital Daerah dan Bahagian. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan pakar adalah dirujuk ke Hospital Besar Kuching, Sibuan atau Miri.

Di samping itu, Pakar Mata dari Hospital Besar Miri juga membuat lawatan sebulan sekali ke Hospital Limbang termasuk juga kawasan Bukit Mas. Semua Pembantu Hospital dan Pegawai Perubatan telah diarah untuk merujuk kes-kes yang memerlukan rawatan pakar kepada Pakar Mata yang terdekat dan Jabatan Perubatan ada menyediakan tumpang-tumpang berkenaan sekira perlu. Aturan ini dianggap mencukupi bagi memenuhi keperluan sekarang.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak bilakah ikhtiar itu yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk melengkapkan atau untuk memenuhi kekurangan doktor pakar dalam bidang sakit mata kerana hanya ada 16 orang sahaja pakar sepertimana kenyataan Setiausaha Parlimen

tadi atau adakah langkah-langkah ini baru sahaja diambil ataupun ikhtiar-ikhtiar ini tidak memberi kesan?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Berkenaan dengan kekurangan pakar mata, kita boleh timbang lagi untuk ditambah.

Tuan Chieng Tiong Kai: Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada beliau sedar kelengkapan untuk merawat pesakit-pesakit mata di Hospital Besar Kuching kurang lengkap juga, pesakit-pesakit mata khususnya yang lebih serius masih terpaksa dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Jika ya, sama ada Kerajaan akan memperbaiki dan menambahkan kelengkapan di pusat pesakit mata di Hospital Besar Kuching.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Berkenaan kelengkapan-kelengkapan di hospital Kuching untuk rawatan kepada pesakit-pesakit mata, Kementerian boleh menambah kelengkapan itu dan boleh timbang menambah pakar mata untuk membaiki keadaan di hospital berkenaan.

PADI—SISTEM PEMBERIAN KUPON SUBSIDI

8. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem pemberian subsidi sekarang ini menyusahkan peladang-peladang kerana apabila seseorang peladang menjual padinya, pembeli akan pula menjual padi itu ke suatu tempat yang jauh untuk mendapatkan lebih banyak keuntungan misalnya seorang petani di Perlis terpaksa mengambil duitnya di Kedah dan jika ya, sama ada Kementerian akan mengkaji semula sistem ini supaya tidak menyusutkan petani-petani.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, sistem pemberian kupon subsidi sekarang tidaklah menyusahkan pesawah-pesawah. Di dalam sistem sekarang pesawah-pesawah boleh menukar tunai kupon di pusat beliau di mana mereka menjual padi ataupun di kompleks-kompleks LPN atau pengkalan LPN yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Pembeli-pembeli padi berlesen bebas menjual

padi yang dibeli daripada pesawah ke kilang atau kompleks LPN yang disukai. Pesawah-pesawah yang menjual padi melalui pembeli-pembeli berlesen boleh menukar tunai kupon subsidi di kompleks ataupun pengkalan LPN yang berhampiran dengan cara memberitahu nama tempat tersebut kerana kerani subsidi pengeluar kupon melalui pembeli padi berlesen tadi. Kerani subsidi akan menuliskan di dalam kupon tarikh, di mana tempat kupon boleh ditunaikan, dengan itu pesawah bolehlah menukar tunai kupon tersebut pada tarikh dan di kompleks atau pengkalan LPN yang berhampiran dengan tempat tinggalnya sebagaimana tercatat di dalam kupon.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang dikatakan oleh Menteri tadi saya ingin membuat soalan tambahan. Sekiranya pembeli padi yang berkenaan telah membeli padi daripada Kedah misalnya, adakah boleh dijual padi itu untuk mengambil wang subsidi di tempat yang dekat dengan harga yang sama, setanding dengan harga yang diberi oleh pembeli daripada Kedah tadi, kerana ini kerap kali berlaku, padi yang dijual jauh harganya lebih mahal, tetapi bila dia hendak terima subsidi dia hendak beri harga padi yang murah, jadi kebanyakan pembeli padi yang berhampiran dia beli dengan harga yang murah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham pembeli dan penjual yang mana ini? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Itulah sebabnya jangan banyak menggunakan perkataan yang tidak patut digunakan hanya menjadi panjang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kerap kali berlaku kepada paktani, mereka akan menjual padi ke tempat-tempat yang mana membeli dengan harga yang mahal dan kerap kali harga yang mahal ini datang daripada Kedah khususnya yang 'megat Dewa'. Jadi bila mereka mengambil wang subsidi pihak pekedai yang dekat, pelesen yang dekat tidak dapat kebenaran dengan mengatakan kamu telah menjual padi di tempat yang lain dan kalau hendak dijual di tempat yang dekat harganya murah, ini selalu berlaku, jadi

apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak timbul perkara harga padi lebih mahal di Kedah atau di mana kerana harga padi ini berdasarkan kepada harga yang ada sekarang dan potongannya pun adalah berasaskan kepada peratusan yang tertentu. Jadi tidak timbul harga padi lebih murah di satu-satu tempat daripada yang lain.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Sama ada Kementerian Yang Berhormat akan mengkaji semula untuk memansuhkan sistem permohonan permit untuk mengangkat padi dari satu negeri ke lain negeri.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Saya tidak bercadang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa kerap kali subsidi yang diberikan itu kepada petani-petani yang jauh daripada pusat-pusat LPN, maka pelesen-pelesen yang membeli padi di tempat itu memotong subsidi itu kerana dikatakan bahawa ia terpaksa pergi jauh ke sana ditolak sampai \$3-\$4 dan bagi petani walaupun begitu dianggap untung lagi kerana kalaulah sekiranya subsidi itu hendak diambil, umpamanya daripada Baling, di Alor Setar dan tambang pergi balik sudah tentu tidak menguntungkan mereka, maka kerana itu pembeli-pembeli padi memotong daripada wang subsidi itu yang menyebabkan kerugian kepada petani-petani.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak timbul masalah ini kerana seperti saya katakan tadi petani itu boleh menukar tunai subsidi tadi di tempat yang berhampiran dengan rumahnya, asalkan dia memberitahu bahawa dia akan berbuat demikian melalui pembeli tadi, dan pembeli itu apabila pergi ke kilang untuk mendapatkan subsidi tadi akan mengatakan bahawa petani ini akan mengutip subsidi di tempat yang berhampiran dengan rumahnya dengan tarikh yang ditentukan. Mungkin petani ini tidak faham agaknya dan saya akan siasat kalau ada berlaku begitu supaya penerangan jelas boleh

diberikan kepada petani kita, supaya mereka tidak rugi.

Tuan Shaari bin Jusoh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya lagi? Yang Berhormat Menteri akan pergi menyiasat. Ya, baiklah sila.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kerana langkah Yang Berhormat akan menyiasat, tetapi sebagaimana saya katakan tadi dalam peraturan dan dalam segi teknik yang kerap kali disalahgunakan.

Yang keduanya, saya ingin bertanya Kerajaan Malaysia memberi subsidi kepada paktani berlesen, adakah subsidi yang diberi itu berdasar kepada petani ataupun padi yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia ataupun boleh asalkan nama subsidi sahaja yang hendak beri subsidi padi, walaupun subsidi itu datang daripada bukan pak tani yang menanam padi dalam Malaysia, kalau berlaku apakah tindakan yang patut diambil?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, subsidi adalah diberi ke atas padi yang dikeluarkan dan dipasarkan oleh petani sendiri iaitu hasil daripada titik peluhnya dan jikalau ada didapati padi itu datang daripada tempat lain maknanya bukan usahanya misalnya Yang Berhormat sedia maklum daripada seberang misalnya, maka ini tidak akan dibayar apa-apa subsidi, jikalau diketahui dan terbukti memang tidak akan dibayar dan ada bukti 2-3 kali berlaku kita was-was, ditahan dan jikalau bukti benar, memang tidak dibayar langsung.

PEKAN-PEKAN DI LUAR BANDAR— RANCANGAN KHAS UNTUK MEMBANGUNKAN

9. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah rancangan khas untuk membangunkan pekan-pekan di luar bandar pada tahun 1982 dan 1983 dan adakah rancangan itu dilaksanakan oleh perbadanan atau di bawah jabatan-jabatan Kerajaan yang sedia ada. Berapa buahkah yang termasuk

dalam rancangan ini dan di mana pekan-pekan yang dirancangan itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan khas semata-mata untuk membina atau membangunkan pekan-pekan di luar bandar. Apa yang sebenarnya dilakukan adalah untuk menggalakkan perkembangan pusat-pusat pertumbuhan (growth centres), yang teratur dan dirancang sebagai pusat perkhidmatan mengikut potensi, taraf dan jenis penduduk di situ, contohnya adalah seperti yang terdapat dalam kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti MADA, KETENGAH, KEJORA, Miri, Bintulu dan sebagainya. Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar atau pekan-pekan termasuklah yang terletak di kawasan luar bandar, pihak Kerajaan Pusat dan Negeri akan terus menyediakan prasarana-prasarana fizikal seperti bekalan air, elektrik, telekom, jalan raya dan pasaran sosial seperti sekolah, balai polis, klinik dan sebagainya, tindakan ini adalah untuk mempergiatkan pembangunan bandar.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa Kerajaan tidak ada rancangan hendak membina pekan atau sebagainya, tetapi menumpukan usaha dalam growth centres. Saya ingin bertanya kepada beliau apakah Kementerian beliau berpuas hati bahawa penyusunan semula masyarakat mungkin akan lambat sedikit, kalau sekiranya growth centres tadi tidak dibuat dengan cara membina satu pekan baru dan diisi akan penyusunan semula masyarakat berbilang kaum dalam tempat-tempat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu ada menimbulkan perbahasan atau menjadi helah untuk perbahasan, tetapi ada sedikit daripadanya, kalau Yang Berhormat hendak jawab boleh.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Yang dimaksudkan ialah yang saya sebutkan rancangan khusus untuk tujuan tersebut belum ada lagi. Tetapi rancangan pada amnya memanglah menjadi tugas Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi

membangunkan semula kawasan-kawasan termasuk kawasan bandar dan pekan ini sebagaimana yang perlu, sesuai dengan perkembangan yang berlaku di kawasan-kawasan yang berkenaan. Jadi dalam menyusun perkembangan bandar-bandar dan pekan ini sudah pastilah apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah matlamat penyusunan bandar dan sebagainya diambil pertimbangan.

PERJANJIAN ANTARABANGSA— HARGA GETAH

10. Tuan Lee Kaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan telah cuba untuk mendapatkan "upward revision" akan Perjanjian Antarabangsa Harga Getah (International Rubber Agreement Price Range) dengan mana Pengurus-pengurus "Buffer Stock" boleh membeli getah kerana jarak (range) harga sekarang yakni 168 sen sehingga 179 sen setiap kilogram adalah terlalu rendah dan tidak realistik dan tidak memberi perlindungan kepada 500,000 pekebun kecil getah yang terjejas terus akibat harga getah yang rendah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa telah dijalinkan dalam bulan Oktober, 1979. Memandangkan bahawa lebih dua tahun telah berlalu semenjak Perjanjian itu dijalinkan, Malaysia dan lain-lain negara pengeluar getah berpendapat jarak harga yang terdapat dalam Perjanjian itu perlu disemak semula untuk mencerminkan kos pengeluaran pada masa sekarang.

Soal menyemak semula jarak harga ini dengan tujuan mendapatkan 'upward revision' kepada jarak harga yang sedia ada telah dikemukakan kepada Majlis Getah Asli Antarabangsa untuk dibincangkan dalam Mesyuaratnya yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur sekarang.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Memandangkan bahawa sistem ini baru dilaksanakan lebih kurang 8 bulan, jadi mengapakah pertimbangan-pertimbangan sebelum itu tidak dilakukan oleh Kerajaan

dan Kerajaan lebih memilih untuk menjadikan Kuala Lumpur ini sebagai pusat pembelian getah antarabangsa pada hal tidak memilih post yang penting bagi menentukan sistem ini supaya ianya memberi manfaat dan faedah yang lebih kepada Malaysia dan atas asas apakah maka hal-hal yang demikian tidak dipertimbangkan oleh Kerajaan sewaktu hendak menandatangani perjanjian tersebut?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa tindakan-tindakan tertentu tidak diambil sebelum ini ialah kerana jarak harga getah sebelum ini ialah jarak harga yang tinggi kalau dibandingkan dengan harga floor ataupun paras di mana buffer stock manager (pengurus buffer stock) harus campurtangan. Jadi sebab itulah belum pernah, oleh kerana harga itu begitu tinggi sebelum ini maka pihak pengurus buffer stock tidak perlu campurtangan di dalam perkara ini.

Soal mengapa Kerajaan Malaysia memilih ibu pejabat daripada tugas-tugas lain dalam Perjanjian Getah Antarabangsa ini adalah diasaskan kepada hakikat bahawa Malaysia tidak boleh memilih semua jawatan ataupun apa-apa perkara yang penting. Hanya satu daripadanya memadailah untuk didapati oleh Malaysia.

Menyentuh tentang sebab-sebab mengapa Malaysia memilih Kuala Lumpur ataupun memilih untuk menjadikan pusatnya di Kuala Lumpur ini ialah bahawa kalaulah kiranya Kuala Lumpur ini dijadikan Pusat Getah Asli Antarabangsa ia merupakan satu prestige kepada Malaysia. Ianya juga akan meninggikan imej Malaysia sebagai Pusat Getah Asli utama di dunia. Ini adalah penting memandangkan bahawa Ibu pejabat Persekutuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) juga bertempat di Kuala Lumpur. Di samping itu ianya juga selaras dengan peranan Malaysia mengembangkan Kuala Lumpur sebagai pasaran antarabangsa bagi getah dan lain-lain barangan dan seterusnya sebagai pusat barangan dan kewangan.

Ibu pejabat INRO ataupun Perjanjian Getah Antarabangsa merupakan ibu pejabat yang pertama bagi perjanjian barangan antarabangsa yang ditempatkan di negara

membangun seperti ini. Bagi timah, koko dan gula, kesemuanya beribu pejabat di London.

Mengadakan ibu pejabat di Kuala Lumpur akan juga menjayakan dasar dan program bagi menambahkan pengeluaran getah di samping menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh INRO. Ianya juga perlu bagi mencapai tujuan penstabilan harga getah di paras yang realistik yang akan menggalakkan pengeluaran getah di samping melalui penggunaan lain-lain langkah bagi menolong memajukan industri getah.

Selain dari perkara-perkara di atas, ibu pejabat yang bertempat di Kuala Lumpur juga akan menyediakan peluang-peluang kerja di samping membawa peserta-peserta dan delegasi ke Malaysia. Dengan itu adalah menjadi kepentingan Malaysia bagi memperkemaskan INRO supaya dapat ditubuhkan sebagai satu pertubuhan dinamis yang akan menyediakan daya penggerak ke arah kemajuan industri getah asli Malaysia dan juga di rantau ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Kementerian yang berkenaan, walaupun Kuala Lumpur dijadikan ibu pejabat, adakah ini mendapat persetujuan dan sokongan penuh dari Indonesia dan Thailand, oleh kerana apa-apa langkah yang diambil, Indonesia tidak sincere, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 23(1) (k) melarang menggunakan perkataan yang 'discourteous' terhadap satu negara yang baik hubungan dengan Malaysia. Tarik balik!

Tuan Lee Kaw: Tindakan-tindakan yang diambil oleh satu negeri pengeluar getah di mana telah menurunkan 5% duti eksport menunjukkan tidak ada kerjasama untuk menyokong Kuala Lumpur menjadi ibu pejabat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini tidak disetujui oleh pengeluar-pengeluar getah asli, takkanlah Perjanjian Getah Asli Antarabangsa diwujudkan sekarang.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada

Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah sebabnya maka INRO ini menghendaki negara-negara pembeli untuk menyumbangkan 50% daripada kewangan stok penimbal? Bukankah dengan cara ini maka negara-negara pembeli mendapat suara yang kuat untuk menentukan ceiling price dan juga floor price dan juga adakah benar bahawa pada hari semalam suratkhbar menyatakan bahawa mesyuarat INRO yang diadakan sekarang ini telah pun mencapai keputusan mengenai dengan floor price dan apakah keputusan itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan yang kedua itu, saya jawab dahulu, khabar itu sebenarnya tidak benar, kerana perkara itu baru dikemukakan dan dibincangkan dalam mesyuarat yang sedang diadakan di Kuala Lumpur sekarang.

Mengenai soal mengapakah kita perlu mendapatkan kerjasama daripada pembeli-pembeli, saya rasa kalaulah sekiranya pengguna-pengguna tidak masuk dalam perjanjian ini, ia tidak menjadi ahli pembeli kerana sudah wujud sebelum itu apa yang dipanggil ANRPC (Association of Natural Rubber Producing Countries). Jadi oleh kerana kita berpendapat sebelum ini bahawa adalah baik sekiranya persetujuan pihak pembeli didapati oleh kita maka ini akan menambah dan mengukuhkan perjanjian tersebut.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tempat yang penting di dalam Majlis ini iaitu pengurus buffer stock ini dipegang oleh negara pengeluar, dengan sebab itu sudah tentulah ia akan menjaga kepentingannya dan oleh kerana perjanjian masih lama lagi, jadi sejauh manakah kemungkinan bahawa pihak pembeli akan bertolak ansur dengan negara-negara pengeluar sedangkan post yang penting itu dipegang oleh negara-negara pembeli?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah sebutkan tadi kita tidak dapat top post yang banyak ataupun perkara-perkara penting di dalam perjanjian ini. Kita sudah dapat Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat, jadi kalau kita sudah dapat

Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat dan kemudian hendak dapat post pula, jadi dua sudah pulang kepada Malaysia, tidak adillah. Mungkin di masa akan datang sekiranya didapati oleh Malaysia bahawa mendapat post ini lebih penting dan tidak perlu untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat mungkin boleh dipertimbangkan, itu pun mungkin di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini dijawab lain sedikit. Cuba lagi, kadang-kadang jawapan yang begini menyebabkan lagi banyak soalan tambahan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya bertanya tadi tentang kemungkinan untuk menaikkan range (kadar) harga lantai iaitu Kerajaan berusaha untuk menaikkan supaya pengurus buffer stock ini akan dapat membeli tetapi sejauh manakah kemungkinan usaha-usaha itu akan berjaya sedangkan pengurus buffer stock ini dipegang oleh negara-negara pembeli. Sudah tentu mereka akan berusaha menjaga kepentingan mereka lebih daripada menjaga kepentingan negara-negara pengeluar.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kalaupun kita menghadapi kesusahan dalam usaha kita mendapatkan harga ini dinaikkan, saya rasa terserah kepada tuhanlah, kerana tugas itu sudah berada dalam tangan negara pembeli, apa boleh buat. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berusaha, kalau selepas berusaha, gagal juga; apa boleh buat.

BANK SIMPANAN NASIONAL— SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

11. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah Bank Simpanan Nasional akan mengadakan skim pinjaman perumahan, sekiranya benar apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada penyimpan-penyimpan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji. Syarat-syarat terperinci akan dikemukakan kepada Kementerian saya untuk dipertimbangkan jika didapati wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sekiranya ada masa akan dibawa di akhir nanti.

RUMAH JENIS 'CONDOMINIUM'

13. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah unit rumah jenis 'condominium' yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat, jumlah wang yang terlibat, harga setiap unit rumah tersebut dan sama ada Kerajaan akan membantu dengan memberi pinjaman wang kepada pembeli-pembeli rumah-rumah tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Rumah Awam Kos Rendah jenis kondominium, ialah jenis perumahan berkelompok yakni rumah pangsa yang dilengkapkan dengan kemudahan sosial seperti dewan serbaguna, taman kanak-kanak, kedai, klinik kesihatan, surau dan sebagainya, di mana kemudahan-kemudahan tersebut serta blok-blok rumah pangsa akan dihubungi melalui lorong-lorong jalan kaki, (walk-ways atau foot-paths), akan hanya dibina di bandar-bandar besar. Setakat ini, bilangan projek yang terlibat adalah 13 projek yang meliputi 8,864 unit rumah. Kondominium kos rendah ini akan dilaksanakan di negeri Sabah, Johor, Kelantan, Pahang dan Perlis. Kos purata bagi seunit kos rendah ini adalah dianggarkan sebanyak \$18,670 seunit (Kos bangunan dan infrastruktur). Harga yang ditawarkan ialah \$14,000. Di bandar-bandar kecil dan di luar bandar, lain-lain jenis rumah kos rendah akan dibina seperti rumah teres, rumah kayu sesebuah dan lain-lain jenis rumah.

Unit-unit rumah jenis kondominium seperti juga semua unit-unit dalam projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan disewakan sahaja kepada golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan keluarga tidak lebih daripada \$750 sebulan.

Bayaran sewa yang dicadangkan ialah lebih kurang \$120 sebulan.

Bagi penyewa-penyewa yang menduduki rumah tersebut secara terus menerus selama 10 tahun dan taat membayar sewa bulanan, penyewa akan diberi 'pilihan' untuk membeli unit tersebut. Jika pembelian dibuat, maka bayaran pokok (principal element) dari jumlah sewa rumah yang telah dibayar dalam tempoh 10 tahun yang lepas akan diambil kira sebagai bayaran baki yang tinggal yang boleh dibayar secara ansuran selama 15 tahun lagi, atau membayar sebahagian daripada baki atau menyelesaikannya secara sekali gus.

Sekiranya mereka yang menyewa rumah tersebut selepas penyewa asal dikeluarkan, tempoh 10 tahun dikira bermula dari tarikh ia menyewa unit tersebut. Langkah ini adalah bertujuan untuk menolong menetapkan penduduk dan menggalakkan stability sosial di kawasan tersebut.

Tuan Lim Cho Hock: Adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan strata-title kepada unit-unit di rumah kondominium?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, inilah selayaknya.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Perumahan sudah mempertimbangkan apakah kesan buruk yang mungkin dibawa oleh konsep perumahan kondominium ini khasnya dari segi pentadbiran dan pengurusan bila kondominium ini dibina untuk orang-orang yang berpendapatan rendah dan adakah Kementerian pernah mengkaji dan meneliti apakah akibat konsep kondominium bila diperkenalkan dan dilaksanakan di negara kita. Adakah ia bertentangan dengan corak kehidupan tradisi ketimuran.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum konsep ini diterima oleh pihak Kerajaan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat itu telah difikirkan semasak-masaknya dan tujuan kita selain daripada hendak menentukan bahawa mereka yang berhak sahaja yang patut mendapat rumah ini dan dengan konsep ini bahawa penghuni-penghuni adalah diberikan tanggungjawab secara collective

responsibility, tanggungjawab bersama untuk menjaga kebersihan dan lain-lain lagi yang bersangkutan. Juga mereka digalakkan menubuhkan persatuan penghuni dan di samping itu juga untuk menebalkan semangat berjiran antara penduduk-penduduk dalam rumah yang dicadangkan jenis kondominium ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya bahawa kerja-kerja membina rumah-rumah pangsa jenis kondominium ini akan dijalankan oleh hanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau ini yang sebenarnya, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa Kerajaan Negeri Perak baru semalam telah mengumumkan bahawa ia juga akan membina rumah jenis kondominium dan sama ada persetujuan dapat diperolehinya daripada Kementerian ini dan jika belum apakah ini bertentangan dengan polisi Kementerian Yang Berhormat.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak membetulkan, apa yang sebenarnya ialah rumah kondominium jenis kos rendah dan bagi makluman Yang Berhormat memanglah semua negeri-negeri diminta menjalankan pembangunan jenis ini tetapi sebahagian daripada negeri-negeri masih lagi mengemukakan untuk mendapat penjelasan yang lebih jelas.

Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu langkah Kerajaan Perak itu memang dialu-alukan dan kita harap semua negeri-negeri di Malaysia ini akan menjalankan pembinaan rumah kondominium jenis kos rendah ini.

Tuan Chan Kok Kit: Saya ingin bertanya, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kelayakan asas yang dikenakan untuk menetapkan pembahagian rumah tersebut.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kuasa pembahagian rumah-rumah ini terserah kepada Kerajaan Negeri dan sepertimana yang telah saya katakan pada masa yang lalu garis-garis panduan telah pun dikeluarkan

oleh Kerajaan, melalui Kementerian saya. Satu daripadanya hendaklah mereka ini pendapatan keluarga tidak lebih daripada \$750.00 dan mereka duduk di tempat itu. Ada setengahnya negeri selepas 5 tahun tinggal di situ barulah mereka itu dibenarkan memohon dan di setengah negeri pula hendaklah anak negeri dan tinggal 20 tahun dalam negeri itu baru boleh memohon.

Pada dasarnya garis panduan itu dikeluarkan oleh Kementerian saya tetapi terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mana mereka diberi bidang kuasa yang tertentu berkenaan dengan pembahagian rumah kos rendah ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri baru tadi memberitahu bahawa memang Kerajaan-kerajaan Negeri digalakkan untuk membina rumah-rumah jenis kondominium. Saya ingin mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan Pusat telah mengambil satu keputusan bahawa semua jenis rumah awam kos rendah akan diselenggara dan kerja-kerja pembinaannya akan dijalankan oleh Kerajaan Pusat dan bukan oleh Kerajaan Negeri sepertimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak hari ini di dalam Dewan Undang Negeri dan jika ia, adakah Kementerian berkeupayaan untuk menjalankan kerja-kerja ini bilamana kita mendapat tahu matlamat Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina rumah-rumah murah awam kos rendah tidak pun sampai pencapaian 50%.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tadi telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu selain daripada usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi juga menggalakkan negeri untuk menjalankan rancangan ini. Jadi tidak bercanggahlah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tetapi hari ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak mengatakan semua pembinaan akan dikelolakan oleh Kementerian dan bukan oleh Kerajaan Negeri. Itu saya hendak tahu, betul atau tidak betul.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan juga sekarang ini bahawa rancangan itu adalah dijalankan oleh Kementerian, tetapi pelaksanaan terutama sekali dalam pembahagian adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri di mana Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan tanah, tapak dan sebagainya. Dan untuk hendak mengatasi masalah kekurangan dan juga kelambatan sepertimana kata Yang Berhormat tadi, terutama dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kita akui setakat 36% rumah kos rendah dapat kita jayakan. Dalam Rancangan Malaysia Keempat ini beberapa perubahan-perubahan telah pun dijalankan di antaranya sepertimana saya telah terangkan Kerajaan Pusat memberikan wang amanah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri \$20 juta tiap-tiap sebuah negeri melainkan negeri Perlis \$10 juta dan beberapa langkah-langkah lagi yang bertujuan untuk cepat mencapai matlamat jumlah rumah kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan. Apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan saya siasatlah kedudukan itu, mungkin barangkali Yang Berhormat kurang faham atau salah anggap apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar negeri Perak itu.

MESYUARAT TERTINGGI COMMONWEALTH

14. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau telah membangkit perkara berkenaan kenaikan yuran-yuran pengajaran, tempat-tempat yang terhad dan visa terhad untuk penuntut-penuntut Malaysia pada Mesyuarat Tertinggi Commonwealth di Melbourne baru-baru ini, jika ada, sila nyatakan sambutan dari Negeri Britain, Canada, Australia dan New Zealand.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Melbourne baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berpeluang

membangkitkan isu kenaikan yuran-yuran pelajaran yang tinggi dan tempat-tempat yang terhad bagi pelajar-pelajar negara-negara ahli yang sedang membangun di beberapa negara maju Komanwel.

Dalam ucapan beliau di mesyuarat itu Yang Berhormat Menteri Luar telah menekankan tentang kesan-kesan dari kenaikan yuran-yuran pelajaran itu akan memaksa negara-negara Komanwel yang sedang membangun menghantar pelajar-pelajar mereka ke negara-negara maju yang bukan ahli Komanwel bagi mendapatkan pelajaran di peringkat tinggi. Ini akhirnya akan meletakkan nilai-nilai yang ideal bagi Komanwel di mana ianya merupakan satu faktor penting dalam mengeratkan lagi hubungan di kalangan masyarakat Komanwel.

Kesan-kesan dari ini akan mewujudkan satu perpecahan yang serius dalam pembangunan negara-negara Komanwel yang sedang membangun. Pada pandangan kita, atas perkara ini telah dirakamkan di dalam kenyataan akhir yang dikeluarkan di akhir mesyuarat tersebut. Kenyataan tersebut merakamkan bahawa "Pergerakan Pelajar-pelajar" dan pertukaran pelajaran di kalangan masyarakat Komanwel adalah penting ke arah usaha-usaha pembangunan nasional negara-negara Komanwel dan juga dalam usaha-usaha mengekalkan hubungan di antara negara-negara tersebut. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel mengakui tentang betapa seriusnya masalah kenaikan yuran-yuran pelajaran tersebut di mana ianya boleh menjejaskan pergerakan pelajar-pelajar di kalangan negara-negara Komanwel.

Walau bagaimanapun, kenyataan tersebut tidak ada mengemukakan apa-apa cara penyelesaian bagi mengatasi masalah kenaikan yuran pelajaran tersebut. Kenyataan akhir yang dikeluarkan itu hanya menggesa supaya memberikan pertimbangan yang wajar dan lebih awal di dalam melaksanakan cadangan-cadangan Jawatankuasa Perunding berkenaan menubuhkan satu jawatankuasa tetap yang mengandungi 12 orang ahli bagi memerhati dan menasihatkan Setiausaha Agung Komanwel dan negara-negara ahli atas semua aspek pergerakan pelajar-pelajar di kalangan

negara-negara Komanwel dan juga penubuhan satu rancangan pelajaran tinggi Komanwel bagi tujuan menyatukan semua tawaran-tawaran akademik, skim biasiswa-biasiswa dan perjanjian dua hala buat masa ini dan juga di masa-masa hadapan untuk kemudahan-kemudahan pergerakan pelajar-pelajar di negara-negara Komanwel.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Ketua-ketua Negara-negara Komanwel ada mengakui betapa seriusnya masalah ini, tetapi baru-baru ini kita dapati bahawa ada lagi sekatan-sekatan terhadap pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom di mana peraturan-peraturan baru untuk mereka yang mahu mengambil Peperiksaan Bar selepas ada Ijazah LLB. Sekatan baru mengenai tempat-tempat dan peluang-peluang yang nampaknya ada bercanggah dengan fikiran atau pandangan atau consensus yang ada dalam Mesyuarat Komanwel di Melbourne. Adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk berhubung dengan Kerajaan Britain atau membuat representation mengenai perkara ini supaya masalah-masalah baru yang timbul mengenai pelajar-pelajar Malaysia dalam bidang undang-undang boleh diatasi.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang inilah satu perkara yang menjadi pokok di dalam perbincangan diperingkat sesi eksekutif di Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel, tetapi, di dalam masa perbincangan itu sebenarnya apabila resolusi itu hendak dibuat ada perkataan yang disebut "semua Ketua-ketua Negara itu" tidak dipersetujui bahkan digunakan istilah "sebahagian besar daripada Ketua-ketua Negara" kerana terdapat di kalangan negara-negara maju di kalangan ahli-ahli Komanwel yang walaupun bersetuju di atas masalah ini tidak dapat mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah tersebut.

Jadi sebagaimana dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memanglah perkara khasnya berkaitan dengan kenaikan yuran di Britain, masalah-masalah berkaitan dengan sekatan untuk pelajaran tinggi di Britain juga dikemukakan, bahkan bolehlah saya sebutkan di sini Yang Berhormat Menteri Luar juga

berpeluang menjunjung Duli mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth semasa di Melbourne dan menyampaikan perkara ini ke hadapan Baginda tetapi ini diserahkan pula kepada Perdana Menteri untuk memikirkan cara-cara yang lebih sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Setiausaha Parlimen telah menerangkan amaran-amaran Menteri Luar Negeri dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel dan usaha beliau menemui Ratu Ingeris. Saya ingin mendapat tahu daripada Setiausaha Parlimen apakah response yang positif yang dapat dilihat oleh Wisma Putra terhadap amaran-amaran Menteri Luar kita itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa semua sudah ada dalam jawapan tadi, sudah cukuplah.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menamakan manakah negara yang tidak bersetuju bahawa resolusi sepertimana yang didrafftkan oleh semua negara-negara Komanwel dan juga selepas persidangan di Melbourne apakah commitment yang dibuat oleh Britain dan Australia atas perkara-perkara yang dianggap sangat serius ini.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamad Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir adalah tidak adil untuk saya menamakan, tetapi sebagaimana saya sebutkan negara-negara yang maju di dalam Komanwel, saya kira Ahli Yang Berhormat itu lebih faham daripada saya tentang apa yang saya maksudkan dan khasnya mengenai langkah-langkah lain berkenaan dengan kedudukan pelajaran tinggi di Britain ini telah pun saya sebutkan dan kita sentiasa mengambil langkah-langkah selanjutnya untuk memperbaiki keadaan-keadaan ini. Dan akhir-akhir ini nampaknya adalah di kalangan pedagang-pedagang British di Malaysia yang telah respond ataupun mengambil tindak balas yang baik dan ada mengemukakan satu cadangan untuk membuka satu tabungan yang mana sejumlah \$1 juta akan diperuntukkan. Tetapi hingga ini

kita belum dapat kepastian langkah-langkah lanjut dan butir-butir lanjut cara-cara pembentukan tabung yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 12 dan 15 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

PENERBANGAN MAS KE SARAWAK

2. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang untuk menambahkan Penerbangan MAS antara Semenanjung Malaysia dengan Negeri Sarawak dan bandar-bandar besar di Sarawak untuk menampung bilangan penumpang-penumpang yang semakin bertambah dan untuk mengatasi masalah mereka menunggu tempat kosong sampai dua atau tiga minggu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Pada masa ini MAS mengadakan 38 penerbangan dengan pesawat B737 seminggu dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak. Untuk menampung penumpang-penumpang yang ada sekarang, penerbangan tersebut adalah mencukupi. Pada musim-musim perayaan dan cuti sekolah, di mana bilangan penumpang-penumpang bertambah, pihak MAS sentiasa mengadakan penerbangan tambahan.

Memandangkan kepada bilangan penumpang-penumpang dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak kian bertambah, MAS sudah pun membuat rancangan untuk meningkatkan jenis pesawat dari B737 kepada Airbus untuk penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching melalui Johor Bharu. Dengan ini tentulah muatan angkut (capacity) bagi perkhidmatan antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak akan bertambah. Perubahan ini dijangka akan dibuat pada bulan April, 1982. Mulai 1hb November, 1981, beberapa perubahan juga telah dibuat kepada penerbangan-penerbangan dalam negeri di Sarawak, iaitu seperti berikut:

Sektor	Jenis Kapal-terbang	Penerbangan/ Seminggu sebelum 1hb Nov. 1981	Penerbangan/ Seminggu mulai 1hb Nov. 1981
Kuching-Sibu ..	F27	53x	56x
Kuching-Bintulu ..	F27	9.5x	14x
Miri-Sibu ..	F27	17x	28x
Kuching-Miri ..	B737	14x*	14x

* Bertambah dari 12x ke 14x seminggu mulai 1hb Ogos, 1981.

MENGGANGKUT AIR PILI DENGAN BOT

12. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk mengangkut/mengedar air pili dengan bot kepada kawasan-kawasan tepi sungai yang tidak boleh dihubungi melalui jalan raya.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan perkara Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya telah dimaklumkan bahawa bekalan air ke mana-mana kawasan biasanya dibekalkan dengan menggunakan saluran paip dan tidak dengan menggunakan bot walaupun kawasan itu terletak sama ada di tepi sungai ataupun jauh dari jalanraya. Walau bagaimanapun, pengedar air dengan bot hanya dijalankan di kawasan-kawasan tertentu dalam keadaan tertentu seperti di musim kemarau.

IMBANGAN PERDAGANGAN

15. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab utama Malaysia mengalami kekurangan imbalan perdagangan luar yang amat besar pada tahun lalu dan tahun ini. Apakah langkah-langkah yang sedang disusun bagi mencegah berulangnya keadaan sedemikian di masa akan datang dan sama ada kekurangan ini akan menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur luar terhadap Malaysia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Malaysia telah mencatatkan lebih sebanyak \$4,662.2 juta dalam imbalan dagangannya dalam tahun

1980, iaitu menunjukkan pertambahan sebanyak 4.2% dari lebih dagangan sebanyak \$4,474.6 juta dalam tahun 1979. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa Malaysia telah mengalami satu pengurangan yang besar dalam imbalan dagangan luarnya dalam tahun 1980.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 1981, imbalan perdagangan Malaysia dijangka merosot walaupun ianya dijangka mencatatkan lebih sebanyak \$214 juta. Kemerosotan ini adalah terutamanya akibat dari kemelesetan ekonomi dunia dan sekatan-sekatan perdagangan yang dikenakan oleh beberapa negara-negara perindustrian utama yang telah memberi kesan ke atas permintaan untuk eksport-eksport barangan utama Malaysia. Ini mengakibatkan harga-harga dan jumlah eksport barangan utama Malaysia merosot dalam tahun 1981. Lebih penawaran (glut) yang terdapat di pasaran minyak dunia dalam tahun 1981, akibat dari pengurangan import minyak dan pelaksanaan dasar-dasar penjimatan tenaga oleh negara-negara perindustrian, telah memberi kesan ke atas harga-harga eksport petroleum Malaysia dan seterusnya memburukkan lagi kedudukan perdagangan Malaysia dalam tahun 1981. Tambahan pula, eksport barang-barang perkilangan Malaysia menghadapi persaingan hebat dari negara-negara lain seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan. Walaupun pertumbuhan eksport dijangka menurun, import dijangka meningkat berikutan dari pertambahan dalam penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Akibatnya, keadaan perdagangan terus merosot pada tahun ini seperti yang dijangkakan.

Malaysia bukanlah sebuah negara sahaja yang mengalami keadaan seperti ini. Malah kebanyakan negara-negara sedang membangun dan beberapa negara-negara perindustrian juga menghadapi masalah yang lebih besar dari kita dalam imbalan pembayaran dan kedudukan perdagangan akibat dari kemelesetan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesan dari perubahan-

perubahan ini ke atas ekonomi Malaysia. Langkah-langkah ini termasuklah mempelbagaikan eksport Malaysia, penjualan ke pasaran-pasaran baru dan menjalankan kempen-kempen memajukan perdagangan di dalam dan di luar negeri. Kerajaan telah dan akan terus memberi insentif untuk menggalakkan eksport dan menggesa negara-negara perindustrian menghapuskan sekatan-sekatan perdagangan di berbagai-bagai forum antarabangsa supaya barang-barang Malaysia, yang boleh bertanding dari segi harga, dapat memasuki pasaran-pasaran mereka. Keadaan perdagangan Malaysia akan bertambah baik apabila ekonomi dunia pulih dari kemelesetan yang wujud sekarang ini.

Oleh kerana ini, kedudukan perdagangan Malaysia tidak akan menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap Malaysia. Keyakinan pelaburan bergantung kepada beberapa faktor termasuklah faktor-faktor kestabilan politik dan sosio-ekonomi sesebuah negara tersebut. Kita telah menikmati kestabilan politik yang tiada tandingannya di rantau ini, sementara kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pula adalah cemerlang dan melebihi kadar-kadar pertumbuhan di kebanyakan negara-negara sedang membangun dan juga beberapa negara perindustrian. Selain dari itu, matawang negara kita adalah stabil dan ini akan membantu meningkatkan keyakinan antarabangsa untuk melabur di negara ini.

KES DADAH DI SABAH/SARAWAK

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes dadah yang dilaporkan di Sabah dan Sarawak bagi tahun-tahun 1976, 1977, 1978, 1979, 1980 dan sehingga September, 1981; dan bagaimanakah dadah boleh masuk ke kedua-dua negeri tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghapuskan ancaman dadah.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Bilangan kes-kes dadah yang dilaporkan di Sabah dan Sarawak bagi tahun-tahun 1976, 1977, 1978, 1979, 1980 dan

sehingga September 1981 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun					
	1976	1977	1978	1979	1980	1981 (Ogos)
Sabah	41	58	55	38	27	63
Sarawak .. .	74	106	104	82	222	138
Jumlah .. .	115	164	159	120	249	201

Mengikut risikan dan penyiasatan oleh pihak Polis dan Jabatan Kastam, adalah didapati bahawa kebanyakan dadah-dadah yang dirampas di Sabah dan Sarawak datang dari Semenanjung Malaysia melalui laut dan udara. Untuk menghalang penyeludupan dadah ke negeri-negeri tersebut, langkah-langkah penguatkuasa berikut telah dibuat:

- (a) Pembesaran Cawangan Anti-Dadah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak,
- (b) Jabatan Kastam telah menubuhkan cawangan-cawangan Narkotik di Sabah dan Sarawak,
- (c) Anjing-anjing pengesan dadah digunakan di lapangan terbang, pelabuhan dan pejabat pos, dan,
- (d) Pemeriksaan ke atas penumpang-penumpang dan bungkusan-bungkusan pos telah diperketatkan.

TENTERA THAILAND MEMASUKI KAWASAN MALAYSIA

17. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan di bawah peraturan manakah tentera-tentera Thailand dibenarkan memasuki ke kawasan Malaysia pada awal bulan Julai, 1981 yang lalu, dan jika kemasukan tentera-tentera Thailand ke dalam sempadan Malaysia itu tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang dan perjanjian, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menghadapi perbuatan menceroob itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Dalam perjanjian kerjasama sempadan yang ditandatangani pada tahun 1977 (Agreement on Border Cooperation) pihak tentera kedua buah negara dibenar menyeberangi sempadan untuk mengejar penganas komunis. Sebelum ini berlaku

pihak yang hendak mengejar penganas komunis dikehendaki terlebih dahulu menghubungi Markas Petugas Bersama (Combined Task Force HQ) untuk memaklumi serta juga meminta kebenaran untuk mengejar penganas komunis dengan menyatakan jarak dan jangkamasa pengejaran tersebut.

Peristiwa yang disebutkan dalam soalan ini mungkin peristiwa yang berlaku pada pertengahan bulan Jun 1981 di mana beberapa anggota tentera Thai telah memasuki kawasan Malaysia untuk mencari seorang penyeludup. Kajadian ini ialah satu perkara yang tidak diduga. Pihak Thai khususnya Konsul Thai di Kota Bharu telah pun dihubungi mengenai kejadian itu serta diminta menghubungi pihak Berkuasa Thai agar kejadian ini tidak berulang dan memulihkan keadaan seperti sedia kala.

Selain dari itu, Kerajaan kita telah juga mengambil tindakan dengan mengarahkan Pasukan Keselamatan kita supaya berjaga-jaga dan memperketatkan lagi pengawasan sempadan.

PERUNTUKAN FASAL 21(2) AKTA PELAJARAN, 1961

18. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 dikekalkan untuk menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal; jika tidak, sama ada Kerajaan akan memansuhkan fasal tersebut kerana kewujudan fasal tersebut telah menimbulkan kebimbangan, keraguan dan syak wasangka di khalayak kaum Cina di negara ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan memang sedar bahawa Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa penuh kepada Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Setakat ini tidak ada cadangan untuk menghapuskan peruntukan tersebut.

Malahan, beliau berpegang teguh kepada Perakuan I Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang memperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah seperti yang sedia ada diteruskan. Kebimbangan, keraguan dan syak wasangka yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tidak harus timbul dalam keadaan sekarang.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Ketujuh*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Maksud B. 27 dan B. 28 (Jadual).

Maksud P. 27 dan P. 28 (Anggaran
Pembangunan, 1982).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangakan peruntukan atau Anggaran Perbelanjaan bagi Kepala Bekalan B. 27 dan B. 28 dan juga bagi Pembangunan P. 27 dan P. 28 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semalam seorang Ahli sudah mengambil bahagian dan sekarang perbahasan terbuka dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri ataupun wakilnya menjawab pada pukul 5.30 petang ini. Sebab itu saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dengan ringkas sahaja dan terus kepada perkara-perkara yang hendak dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang

diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk tahun 1982 ini. Di samping itu, izinkan saya memperkatakan beberapa perkara iaitu pada muka surat 241 bagi Maksud Bekalan 27, Butiran 1100 yang bertajuk Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran, (c) Pentadbiran Negeri-negeri.

Saya sukacita menyatakan bahawa pentadbiran Kementerian ini di peringkat negeri-negeri telah berjaya mengadakan pejabat-pejabat dan pegawai-pegawainya di peringkat daerah-daerah tetapi kegiatan di peringkat daerah-daerah ini kurang berkesan kerana saya dapati banyak daerah-daerah yang masih kekurangan kakitangan dan juga kekurangan alat-alat untuk kelancaran pentadbiran pegawai-pegawai yang sedia ada. Pentadbiran di peringkat daerah ini yang diharapkan untuk mengendalikan masalah kebudayaan, belia dan sukan tetapi pada hari ini kegiatan yang boleh dibanggakan hanyalah satu daripada tiga iaitu belia sahaja.

Masalah kebudayaan dan sukan kurang benar diberikan perhatian oleh pentadbiran di peringkat daerah-daerah ini. Saya harapkan supaya pentadbiran di peringkat Kementerian dapat memberikan garis panduan pada pentadbiran di peringkat negeri-negeri agar dapat pula dipanjangkan ke peringkat daerah-daerah bagi menjalankan dayausaha untuk kemajuan kebudayaan dan sukan ini.

Tuan Pengerusi, dalam butiran yang sama dan program yang sama iaitu dalam pecahan (a) Unit Penilaian, Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan kita boleh berbangga di atas kejayaannya kerana kalau kita mengingat kembali sikap dan semangat rakyat di kalangan belia dan beliawanis dalam tempoh 20 tahun yang lalu tentulah jauh berbeza dengan hari ini. Saya percaya peranan yang dimainkan oleh bahagian ini ialah untuk menyedarkan belia dan beliawanis kita bagi memikirkan masa depan mereka.

Dengan kejayaan Perancangan dan Pembangunan ini tidak hairanlah kita mengapa ramai belia dan beliawanis kita kurang berminat untuk menjadi ahli persatuan-persatuan belia kerana kita telah mengalirkan fikiran mereka ke arah masa depan yang cemerlang tetapi di dalam

persatuan belia itu mereka tidak nampak jalan yang cerah bagi menghadapi masa depan yang diharapkan.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya unit Penilaian, Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan ini harus menyediakan satu program supaya persatuan-persatuan belia kita boleh membimbing ahli-ahlinya untuk menuju masa depan mereka sebagaimana yang diharapkan. Dengan itu secara langsung dapat menarik minat belia dan beliawanis menjadi ahli persatuan-persatuan belia.

Tuan Pengerusi, kalau munasabah eloklah persatuan-persatuan belia diberi kemudahan menjadi agen-agen pekerjaan dan peluang kepada mereka untuk mendapatkan lesen pemborong bagi projek-projek kecil khususnya di luar-luar bandar, hendaklah diberi keutamaan. Pegawai-pegawai Kerajaan dalam agensi-agensi lain iaitu yang mempunyai kuasa hendaklah memandang berat terhadap kegiatan persatuan-persatuan belia ini. Pada hari ini tidak dapat dinafikan memang ada persatuan-persatuan belia bertindak demikian tetapi mereka terpaksa berlumba dengan semua pihak yang berkenaan termasuk saudagar-saudagar besar dan kecil.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 242, Program (2) Kebudayaan, dalam pecahan (c) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan. Dalam memikirkan masalah Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan ini agak sulit juga kita hendak mengeluarkan hujah-hujah yang tepat kerana pengertian kebudayaan itu sendiri sangat luas hingga meliputi corak hidup sesuatu golongan masyarakat. Kebetulan pula peruntukan yang disediakan hanya \$343,400 sahaja untuk kegunaan seluruh negeri. Oleh itu, setakat manakah bilangan pegawai-pegawai yang dapat disediakan supaya mencukupi gaji dan upahan mereka dengan peruntukan yang sedemikian banyaknya. Jika kita beri gaji pegawai yang mustahak ini seribu ringgit seorang pada tiap-tiap bulan adalah bererti kita hanya ada 28 orang pegawai sahaja pada tahun yang akan datang untuk bertindak khusus dalam masalah Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan ini. Jika kita agih mereka ke peringkat negeri bererti satu negeri dapatlah anggaran dua orang sahaja, inilah yang saya katakan sulit

tadi. Apakah yang boleh dicapai oleh tenaga dua orang pegawai bagi melaksanakan Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan itu dalam sesebuah negeri? Oleh itu, saya suka menarik perhatian Kementerian ini supaya dapat berdampingan dengan lain-lain agensi Kerajaan untuk mengambil tindakan bersama bagi melaksanakan Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan itu.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memperkatakan Maksud Pembangunan 27 pada muka surat 263 iaitu Butiran (1) Kemudahan-kemudahan Sukan, Butiran (3) Tapian Gelanggang ataupun Kompleks Berbagaimana, Butiran 16—Rancangan Pembangunan dan Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil.

Tuan Pengerusi, tiga butiran ini adalah merangkumi masalah sukan belaka. Pada masa ini kita telah banyak mendapat peluang untuk kemudahan sukan kerana beberapa agensi Kerajaan yang lain dengan sendirinya menyediakan kemudahan-kemudahan sukan terutama jabatan di bawah Kementerian Pelajaran. Saya suka menarik perhatian Kementerian ini supaya dapat menampung kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah untuk menambah lagi kemudahan-kemudahan sukan kepada agensi yang tersebut.

Pada satu masa yang lalu masalah menyediakan Tapian Gelanggang ini adalah amat menarik sekali tetapi hari ini perkara tersebut telah senyap sedikit, adakah Kementerian ini hendak meneruskan usaha untuk menyediakan Tapian Gelanggang ini. Jika dipandang pada peruntukan tahun ini hanya ada \$2,690,000 sahaja tentulah tipis harapan untuk menambah lagi Tapian-tapiian Gelanggang itu. Oleh itu, saya suka mengemukakan pertanyaan, pada tahun 1982 ini berapakah banyak Tapian Gelanggang hendak dibina baharu ataupun peruntukan itu hanya memperbaiki Tapian Gelanggang yang sedia ada sahaja. Untuk melaksanakan rancangan pembangunan kemudahan sukan di bandar-bandar kecil yang disediakan peruntukan \$6,605,000 itu adalah diharapkan supaya dapat diambil tindakan yang segera, kerana pada masa-masa yang lepas peruntukan-peruntukan yang demikian terlampau lambat sampainya ke peringkat

negeri dan tindakan untuk melaksanakannya selalu tidak dapat dibereskan pada tahun yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, keseluruhan semangat sukan di luar-luar bandar pada hari ini adalah berkisar dalam lingkungan untuk mengisi masa lapang sahaja. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kementerian ini dapat menjalankan ikhtiar secara beransur-ansur supaya di lapangan sukan ini juga boleh untuk dijadikan suatu pekerjaan bagi menampung nafkah hidup ahli-ahli sukan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 264, Butiran 11, 12, 13 dan 18 iaitu Projek Belia Peladang, Koperasi Belia Nasional Bhd. (KOBENA), Belia Niaga dan Khemah Belia. Saya kira butiran-butiran ini ialah masalah belia belaka.

Dalam memperkatakan Projek Belia Peladang ini kita masih mengharapkan sesuatu pembaharuan patut dibuat untuk menjayakan belia-belie di lapangan ini. Pada hari ini semangat belia untuk menjadi belia peladang itu telah merosot dan walaupun Kementerian ini telah memberikan latihan dan berbagai-bagai bantuan tetapi kita tidak nampak dengan jelas kesannya. Oleh itu satu usaha yang boleh meyakinkan belia-belie menjadi belia peladang itu akan terjamin di masa yang akan datang hendaklah diberikan perhatian yang berat. Pada satu masa dahulu Kerajaan-kerajaan Negeri memberikan peluang kepada belia-belie untuk membuka tanah secara berkelompok dan ini betul-betul telah berjaya menjamin masa depan mereka. Oleh itu kita harapkan agar Kementerian ini menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan kawasan-kawasan tanah yang boleh diteroka oleh persatuan-persatuan belia secara berkelompok.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.21 ptg

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh dua perkara sahaja dalam

perbincangan atas anggaran untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang pertama, saya menarik perhatian Dewan ini kepada muka surat 242, Kepala B. 27, Aktiviti (2) (c) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan.

Di bawah tajuk "Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan", ingin saya membentangkan satu perkara yang pada pandangan saya adalah mustahak dalam usaha untuk mewujudkan integrasi kebangsaan melalui kebudayaan. Sebagaimana kita sedia maklum Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan, maka tidak dapat dinafikan bahawa kebudayaan boleh diintegrasikan dan melalui kebudayaan kita dapat memainkan satu peranan yang penting bagi tujuan mencapai perpaduan negara.

Perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan Tarian Singa yang merupakan salah satu bahagian kebudayaan tradisi bangsa Tionghua di negara kita. Saya berasa kesal bahawa sungguhpun Tarian Singa sering dimain, dilatih dan ditunjukkan oleh semua badan-badan kebudayaan Cina dan juga badan-badan seni mempertahankan diri Cina yang berdaftar dan juga kadang-kadang dipertunjukkan upacara-upacara untuk menyambut Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri khususnya dari MCA, akan tetapi pertunjukan Tarian Singa nampaknya belum dianggap dan diterima oleh Kerajaan sebagai satu bahagian kebudayaan Malaysia yang rasmi.

Sebagai contohnya, baru-baru ini tatkala negara dan seluruh rakyat merayakan Hari Kebangsaan kita rakyat di seluruh negara diberikan hidangan berbagai pertunjukan kebudayaan Malaysia tetapi malangnya pada Hari Kebangsaan kita rakyat tidak ditunjukkan dengan Tarian Singa sebagai satu cara dalam program perayaan. Saya minta bahawa di bawah pentadbiran yang baru ini Kerajaan dapat memberi pertimbangan di atas perkara ini dan bersetuju mengambil langkah-langkah untuk mengiktirafkan Tarian Singa sebagai salah satu bahagian kebudayaan Malaysia yang rasmi.

Saya membuat cadangan ini oleh kerana ini adalah bersesuaian dengan kehendak-

kehendak, bersesuaian dengan aspirasi-aspirasi kaum Tionghua di negara kita dan apa yang lebih penting, Tuan Pengerusi, ialah kerana Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang bangsa dan berbilang kebudayaan. Dalam konteks sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan, maka ini bererti setiap kebudayaan dari setiap kaum boleh menyumbangkan terhadap kebudayaan Malaysia yang rasmi. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyeru Kerajaan supaya mengiktiraf dan menerima Tarian Singa sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia yang rasmi. Saya berpendapat bahawa kebudayaan dapat memainkan satu peranan yang penting untuk mewujudkan integrasi kebangsaan di dalam sebuah negara yang berbilang kaum.

Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, tujuan ini dapat dicapai sekiranya kita dapat mewujudkan satu kebudayaan Malaysia yang tulen dan dikandungi oleh kebudayaan Melayu, Cina dan India selaras dengan konsep kebudayaan demokrasi, selaras dengan konsep kebudayaan Malaysia yang berdasarkan kepada kebebasan dan demokrasi kebudayaan.

Perkara yang kedua dan yang akhir saya suka menyentuh berkenaan dengan muka surat 243, Aktiviti 3 (f) Penyelidikan Belia.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia selalu digambarkan sebagai sebuah negara yang muda oleh kerana 60% penduduk-penduduknya adalah terdiri daripada golongan belia. Oleh yang demikian, mereka adalah satu golongan yang kuat, satu golongan yang dinamis dan layak menyuarakan fikiran dan pandangan mereka dalam konteks menentukan masa depan negara dan juga dalam konteks pembangunan negara.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa sebelum mereka dapat memberi satu sumbangan yang membina, yang positif terhadap pembangunan negara belia kita mestilah diberikan pendidikan yang baik dan bimbingan yang betul yang mana dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan untuk memainkan satu peranan penting untuk menentukan masa depan negara.

Saya berpendapat tugas utama Kementerian yang berkenaan patut ditujukan untuk membimbing belia kita supaya mereka dapat menyalurkan tenaga dan potensi mereka ke arah membina negara yang berbilang kaum, yang cohesive dan juga yang bersatu padu. Dalam hubungan ini saya ingin bertanya di sini sejauh manakah Kementerian yang berkenaan telah berjaya untuk membimbing belia kita ke arah objektif ini. Di sini saya berpendapat bahawa penyelidikan belia ada kaitan dengan apa yang telah saya maksudkan itu.

Adalah tidak dinafikan bahawa belia kita hari ini masih menghadapi kekurangan dan bimbingan yang betul dan ramai di antara mereka tidak sedar bagaimana menyalurkan tenaga dan potensi mereka ke arah tujuan-tujuan yang produktif.

Tuan Pengerusi, Malaysia hari ini bukan sahaja menghadapi masalah keciciran di sekolah tetapi apa yang lebih serius ialah negara kita juga menghadapi satu masalah keciciran masyarakat dan ini adalah berkaitan dengan kekurangan bimbingan yang disampaikan kepada para belia di negara ini.

Selain daripada itu, belia kita juga ada menghadapi misalnya masalah tentang dadah dan juga masalah pengangguran khususnya di kalangan belia yang berumur di antara 17 hingga 24 tahun. Oleh sebab pada anggapan saya masalah pengangguran ini dan juga masalah dadah di kalangan belia adalah satu masalah yang amat serius, maka saya suka mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan patut dan harus mencari jalan yang lebih positif untuk mengatasi masalah ini dan juga dapat memainkan satu peranan untuk menyelaraskan dengan lain-lain Kementerian untuk mencari cara-cara yang sesuai bagi mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi.

Memandangkan kepada masalah-masalah yang tersebut di atas, saya suka menyeru Kementerian yang berkenaan untuk mengadakan satu penyelidikan yang mendalam atas perkara-perkara yang berikut:

- (1) Berapa peratuskah dan sejauh mana belia kita telah terpisah dari masyarakat dan telah dicemarkan oleh perbuatan keruntuhan moral dan kejahatan.
- (2) Sejauh mana sistem pelajaran kita yang

ada sekarang dianggap bertanggungjawab di atas kedudukan ini.

- (3) Sejauh mana sistem penilaian pertukaran (the changing value system) dalam masyarakat kita bertanggungjawab ke atas masalah keciciran belia, keciciran masyarakat dan juga berkenaan dengan masalah penyalahgunaan dadah dan juga masalah pengangguran.
- (4) Sejauh mana Kementerian yang berkenaan telah gagal dalam tugasnya untuk membantu belia-belie memainkan satu peranan yang positif dan berguna dalam proses pembangunan untuk negara.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya berpendapat bahawa sekiranya satu penyelidikan seperti mana yang disyorkan oleh saya dapat dilaksanakan, maka penghasilannya kita boleh mencari sebab-sebab dan di samping itu kita juga boleh mencari panduan-panduan untuk menggariskan, untuk menunjukkan bagaimana langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek dapat diambil untuk mengatasi berbagai masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

4.33 ptg.

Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah Pembangunan dan Penggalakkan Kebudayaan dan Pendidikan Kebudayaan di dalam B. 27, muka surat 242, Butiran 1100, Program (2) Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, Malaysia adalah satu negara yang mempunyai berbilang kaum. Tiap-tiap kaum mempunyai kebudayaan tradisi sendiri. Hanya di negeri Sarawak telah mempunyai kebudayaan China, Iban, Melayu, Melanau, Kayan, Bidayuh, Muru dan lain-lain lagi.

Pada pendapat saya, Kerajaan kita harus menghargai kebudayaan masing-masing itu

untuk membentuk dan memelihara satu kebudayaan nasional. Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlulah memberi lebih banyak lagi peruntukan untuk pembangunan penggalakkan dan penyelidikan kebudayaan kita khasnya untuk negeri Sarawak oleh kerana negeri itu di dalam bidang aktiviti-aktiviti kebudayaan masih di dalam keadaan yang mundur sekali.

Di kawasan saya, Sarikei, ada satu kesatuan kebudayaan bernama Kesatuan Muzikal dan Drama Sarikei, telah lama ditubuhkan tetapi oleh sebab mereka kekurangan belanja untuk membeli alat-alat muzik dan lain-lain lagi, mereka telah lama memohon bantuan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi sampai masa sekarang masih belum diizinkan. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi bantuan itu secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya hendak menyentuh sedikit tentang masalah tajuk Tapian Gelanggang Negeri Sarawak dalam Maksud P. 27, Butiran 31, muka surat 265.

Tuan Pengerusi, Sarawak adalah satu negeri kawasannya yang luas dan mempunyai 7 bahagian. Sepatutnya tiap-tiap bahagian mestilah ada satu tapian gelanggang yang lengkap untuk aktiviti-aktiviti belia tempatan. Tetapi sampai masa sekarang di seluruh negeri itu belum ada satu stadium yang lengkap untuk pertandingan bola dan aktiviti-aktiviti lain. Memandangkan kekurangan kemudahan-kemudahan sukan dan tempat-tempat untuk aktiviti-aktiviti belia tempatan, saya berharap pihak Kementerian akan memberi lebih banyak lagi peruntukan bagi negeri Sarawak untuk membangunkan pusat aktiviti-aktiviti belia dan sukan supaya di masa yang akan datang negeri Sarawak dapat tempat untuk mengadakan semua peringkat pertandingan sukan antara negeri atau antarabangsa.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, Sarikei, satu cadangan untuk membina satu tapian gelanggang dan satu kolam berenang telah lama diminta tetapi sampai masa sekarang masih belum dapat belanja. Saya berharap pihak Kerajaan dapat memberi bantuan dengan segeranya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya berharap cadangan-cadangan tersebut dapat ditimbang dan saya menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Gajah.

4.40 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kebudayaan dan sukan. Mula-mula saya ingin menyentuh Butiran 1100 Gaji dan Upahan, muka surat 242, Program 2 (c) Pembangunan dan Penggalakkan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, negara kita boleh dikatakan sebuah negara yang sangat-sangat mujur oleh kerana di dalam negara kita terdapat berbagai kebudayaan Islam, Tionghua, Hindu dan bumiputera yang tulin iaitu kebudayaan orang Asli, kebudayaan Iban dan kebudayaan Kadazan dan lain-lain. Di samping itu oleh kerana negara kita pernah diperintah dalam satu masa yang agak panjang oleh penjajah negara Barat, maka kebudayaan negara kita selain daripada beridentiti timur juga dipengaruhi kuat oleh kebudayaan Barat.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada segelintir anasir yang melampau berteriak bahawa kebudayaan Malaysia mesti berdasarkan satu kebudayaan sahaja, mereka berniat hendak asimilasikan atau singkirkan kebudayaan-kebudayaan lain, tetapi pada hakikatnya memang cadangan itu tidak boleh dijalankan. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kebudayaan negara biarlah ianya berkembang dengan sendirinya, biarlah kebudayaan negara kita berkembang dengan bebas.

Tuan Pengerusi, saya belum lagi melihat dalam dunia ini ada sebarang kebudayaan boleh dicapai melalui paksaan. Sekiranya ada kebudayaan boleh dicapai melalui paksaan maka saya ingat kebudayaan negara kita bukanlah seperti yang terdapat sekarang dan kebudayaan akan jadi kebudayaan Portugis, kebudayaan Holland atau British. Oleh

kerana itu, Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong Kerajaan memaksa rakyat memakai songkok. Tuan Pengerusi, saya bukan seorang yang anti pakai songkok. Pada pendapat saya ialah sekiranya orang suka pakai songkok biarlah mereka pakai seperti pemimpin-pemimpin MCA, GERAKAN, MIC. Kalaulah Kerajaan paksa rakyat menerima sesuatu yang mana rakyat tidak sukai akibatnya akan sangat buruk dan akan menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat. Sebaliknya, sekiranya rakyat jelata suka sesuatu kebudayaan, tak payah Kerajaan memaksa atau membuat undang-undang rakyat sendiri akan menerimanya seperti pada masa sekarang saya tahu ada banyak orang Cina apabila mereka tidur mereka suka pakai sarung, mereka suka pula makan satih dan nasi lemak dan ada juga orang Melayu suka menonton wayang Kung Fu Cina yang dikeluarkan oleh Taiwan dan Hong Kong.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan sukan iaitu muka surat 246, Butiran 1200, program 4 (b) berkenaan dengan layanan kepada olahragawan dan pemain-pemain bola di negara kita.

Di masa biasa mereka tidak dapat jagaan dari Kerajaan, malangnya, apabila mereka menghadapi kesukaran atau kemalangan mereka tidak dapat sedikit pun pertolongan dari pihak berkenaan. Sepanjang pengetahuan saya ada seorang olahragawan yang memungut pingat emas untuk negara kita, ia adalah seorang penduduk setinggi dan saya juga tahu ada seorang pemain bola keranjang wanita oleh kerana dia dapat kemalangan trafik, dia masuk hospital, tetapi Malaysian Basketball Association yang diketuai oleh Dato' Lee San Choon tidak sedikit pun memberi pertolongan dan oleh kerana itu pemain-pemain bola, olahragawan dan olahragawati di negara kita hati mereka sangat tawar. Saya harap keadaan ini boleh diperbaiki oleh Kerajaan. Itulah sahaja ucapan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.46 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya akan bincangkan mengenai muka surat 241—Program Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, melihat kepada kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa sekarang ini dengan tujuan untuk memupuk kebudayaan kebangsaan, saya lihat bahawa kegiatan-kegiatan itu membayangkan suatu keadaan dilemma yang dihadapi oleh Kementerian Kebudayaan walaupun perkara mengenai kebudayaan ini bukanlah lagi merupakan suatu yang harus dihadapi dengan keadaan yang demikian kerana dasarnya telahpun jelas iaitu untuk mewujudkan suatu kebudayaan nasional yang berteraskan kepada kebudayaan Islam.

Di dalam pelaksanaan-pelaksanaan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan itu tidaklah menuju ke arah tujuan dan matlamat tersebut dan juga tidak menuju kepada pembentukan kebudayaan kebangsaan sepertimana yang digembar-gemburkan, kerana aktiviti-aktiviti yang dapat dilihat boleh dikatakan tidak memberi kesan yang dapat dilihat oleh kita. Mengenai kegiatan kebudayaan itu ialah mengadakan pertunjukan tarian ataupun mengadakan pertunjukan drama ataupun kegiatan-kegiatan yang sedemikian sehingga pengertian kebudayaan itu telah disempitkan oleh Kementerian Kebudayaan. Bahkan matlamat kebudayaan kebangsaan yang dirumuskan oleh Kongres Kebudayaan Nasional beberapa ketika yang lalu juga telah disempitkan oleh kegiatan yang menunjukkan bahawa Kementerian Kebudayaan tidak ada modal dan Kementerian tidak mengambil langkah yang serius dan tidak begitu bersungguh-sungguh melihat bahawa masalah kebudayaan ini sebagai masalah yang pokok untuk mewujudkan perpaduan dalam negara kita.

Saya lihat bahawa pemimpin-pemimpin dari beberapa kalangan juga melihat masalah ini dari aspek-aspek yang tidak begitu penting misalnya mereka melihat pelaksanaan kebudayaan itu hanya dengan menerima tarian-tarian yang diamalkan oleh kaum-kaum yang tertentu dalam negara kita, misalnya tarian singa dan menjadikan ini sebagai suatu isu kebudayaan yang penting pada hal ianya tidak penting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat saya telah mendengar Yang Berhormat bercakap

berkenaan matlamat, pengertian, kemudian masalah kebudayaan, pelaksanaan kebudayaan walhasil dalam perkara kebudayaan (2) dia cuma menumpukan kepada (a)—Pengurusan, (b)—Perhubungan dan Urusetia, (c)—Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan (d)—Penyelidikan Kebudayaan dan (e)—Pendidikan dan Perkembangan Kebudayaan. Jadi ada pengkhususan-pengkhususan dan saya harap Yang Berhormat tumpukan kepada pengkhususan itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Jadi saya menyentuh secara campur begitu.

Tuan Pengerusi: Umum sangat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Apa yang saya cakap sebenarnya termasuk dalam Aktiviti Penggalakan Kebudayaan iaitu (c) yang mana yang digalakkan ialah perkara-perkara yang tidak penting. Tetapi malangnya pemimpin-pemimpin daripada kaum yang tertentu itu menimbulkan perkara-perkara yang tidak penting pada hal di dalam kebudayaan mereka mempunyai aspek-aspek yang lebih penting yang dapat diterima, baik oleh Islam mahupun oleh bangsa-bangsa yang lain.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, boleh beri jalan?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat dari Baling sedar bahawa tarian singa ini sebenarnya dalam merupakan satu kebudayaan yang tradisi yang bersejarah beribu-ribu tahun dan ini adalah sangat mustahak dan sangat bermakna bagi masyarakat Cina, bukan satu perkara yang tidak mustahak? Adakah Yang Berhormat sedar?

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, ia mungkin merupakan suatu yang penting di negeri Cina, tetapi masalahnya ialah.....

Tuan Chan Teck Chan: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak beri jalan, duduk!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Sebelum saya menerangkan.....

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, kita adalah rakyat Malaysia berbagai keturunan dan mempunyai berbagai kebudayaan.....

Tuan Pengerusi: Dalam Peraturan 36.....

Tuan Chan Teck Chan: Saya minta perkara ini ditarik balik.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya belum beri penjelasan kepada beliau iaitu mengapa pemimpin-pemimpin dari kaum yang tertentu menonjolkan sesuatu yang sukar diterima pada hal ada perkara-perkara daripada kebudayaan Cina, daripada pepatah orang-orang Cina yang dapat diterima dengan mudah oleh rakyat Malaysia.

Misalnya pepatah mengenai pendidikan yang harus yang merupakan suatu yang begitu positif, tetapi tidak diketengahkan, bahkan mereka lebih sukar menjadikan perkara-perkara yang tidak dapat diterima sebagai modal untuk menegangkan lagi perhubungan antara kaum iaitu umpamanya suatu pepatah orang-orang Cina iaitu di dalam soal pendidikan. Jika sekiranya seorang itu diberikan seekor ikan sebagai hidangan, ia akan hanya dapat menghabiskan di dalam suatu sarapan atau santapan, tetapi jika ia diberi pelajaran bagaimana hendak menangkap ikan ia akan mendapat hidangan selama-lamanya. Jadi ini ialah satu bentuk, suatu bidang kebudayaan yang patut digalakkan iaitu di dalam bidang pendidikan, tetapi sudah menjadi suatu perkara yang sungguh menghairankan kita, baik Kerajaan mahupun kaum-kaum yang lain yang hendak

menimbulkan soal tarian sahaja, itu satu masalah yang saya kira sungguh menghairankan kita padahal soal pendidikan tadi, kalau dikemukakan cara pendidikan yang terdapat di dalam tradisi orang-orang Cina sebagaimana yang tergambar dalam pepatah alangkah baiknya.

Saya sebagai mewakili Parti Islam dan sebagai seorang Islam, saya katakan bahawa saya sanggup dan boleh menerima suatu bentuk dan konsep kebudayaan, pendidikan yang sedemikian. Jadi masalah ini adalah merupakan suatu masalah sikap yang dikuasai oleh perkauman yang tebal yang menyebabkan mereka sengaja hendak menonjolkan sesuatu yang mereka fikirkan bahawa tidak boleh diterima oleh orang-orang lain.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu! Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tolong duduk, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, begitu juga dalam soal penggalakkan kebudayaan, saya ambil contoh dalam soal pakaian. Soal pakaian ini sudah tentu menghadapi keadaan yang dipengaruhi oleh kebudayaan Barat di mana kita terpengaruh terutama pakaian untuk wanita-wanita. Pakaian yang mendedahkan aurat, yang tidak ada di dalam tradisi orang-orang Cina, yang tidak ada di dalam tradisi orang-orang Islam, yang tidak ada di dalam tradisi orang-orang India dan tidak ada di dalam tradisi orang-orang Timur. Mengapakah pakaian yang seperti ini tidak digalakkan? Sebaliknya usaha-usaha oleh badan-badan dakwah misalnya untuk menggalakkan wanita-wanita Islam supaya berpakaian secara Islam yang menutup aurat. Walaupun tidak secara rasmi mendapat ejekan-ejekan, mendapat tentangan-tentangan yang tidak rasmi oleh banyak kalangan mahupun oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan sendiri yang

meletak label kepada mereka sebagai golongan yang extremist. Jadi ini satu lagi perkara.....

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, Wakil Rakyat dari Batu Gajah.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya bukan Wakil dari Batu Gajah.

Dr Tan Tiong Hong: Minta maaf, Baling.

Tadi kita sudah dengar pendapat Wakil Rakyat dari Batu Gajah yang mewakili DAP iaitu pendapat atas konsep kebudayaan dan kita baru-baru ini dengar Wakil Rakyat dari Baling mewakili PAS menyentuh masalah kebudayaan tetapi kita sudah diberitahu melalui akhbar dan lain-lain berita bahawa PAS dengan DAP akan bekerjasama di dalam pilihanraya yang akan datang. (*Tepuk*) Dan saya ingin menanya Setiausaha Agong PAS dan juga Tuan Chan Kok Kit, Wakil Rakyat Sungai Besi, sama ada pendapat DAP dengan PAS adalah serupa berkenaan kebudayaan untuk rakyat Malaysia supaya rakyat boleh membuat satu keputusan sama ada mereka boleh atau tidak menerima coalition DAP dan PAS?

Tuan Chan Kok Kit: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk dahulu! Yang Berhormat dari Baling.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu walaupun dalam pertanyaannya tidak ada disebut kebudayaan, tetapi yang dimaksudkan lain sangat, jadi saya tidak perlulah beri penjelasan di sini dan kalau dia mahu penjelasan tentulah di luar, kalau saya beri penjelasan mungkin Tuan Pengerusi kata terkeluar tajuk, jadi saya pun kena duduk pula.

Tuan Pengerusi, jadi inilah keadaan yang berlaku dalam soal dasar dan pelaksanaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sepertimana yang saya katakan tadi bahawa usaha-usaha untuk menggalakkan pengambilan wanita-wanita Islam supaya mereka

memakai cara yang dibenarkan oleh Islam iaitu yang lebih sesuai dengan suasana dan kebudayaan dan matlamat kebudayaan kita diberi label yang tertentu dengan tujuan untuk melemahkan usaha-usaha galakan ini. Jadi dari segi ini kita lihat bagaimanakah pendirian yang sebenar dan maksud yang sebenar. Adakah dasar yang telah ditetapkan itu hanya sebagai lambang semata-mata tetapi pada hakikatnya bahawa hasrat dan dasar Kerajaan yang sebenar di segi pelaksanaan ialah hendak melaksanakan ataupun hendak merealisasikan satu masyarakat yang dipengaruhi oleh kebudayaan barat dan perencanaan-perencanaan mereka secara yang tidak diumumkan ialah untuk membaratkan masyarakat Malaysia.

Walaupun sudah tentu bagi saya kita boleh menerima beberapa unsur daripada kebudayaan barat yang tidak bertentangan dengan asas-asas kebudayaan kita yang telah ditetapkan dan dirumuskan oleh Kongress Kebudayaan, yang dijawab dahulu oleh Menteri Kebudayaan sebagai dasar dan matlamat daripada pembentukan kebudayaan negara kita. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Maaf. Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya nampak juga di sini bahawa tidak begitu banyak kegiatan-kegiatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, baik di dalam program yang berkaitan yang disebutkan di sini—Pembangunan dan Penggalakkan Kebudayaan—mahupun yang lain-lainnya dilihat daripada peruntukan-peruntukan yang kecil yang diperuntukkan di sini. Ini lagi satu contoh menunjukkan bagaimana kegiatan kebudayaan itu tidak mengambil tempat yang penting di dalam kegiatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kalaulah begini keadaannya, kalaulah kiranya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini sudah tidak berminat lagi untuk memikirkan masalah-masalah yang berkaitan dengan kebudayaan, saya mengesyorkan adalah lebih baik supaya Kementerian ini hanya dinamakan sebagai Kementerian Belia dan Sukan sahaja kerana ia telah mencemarkan maksud dan tujuan kebu-

dayaan. Sebenarnya ia tidak memainkan peranan penting di dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah kebudayaan ini. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Masa ada lagi 2 minit Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan kebudayaan, baik di dalam soal menggalakkan kebudayaan-kebudayaan yang sesuai dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan itu, mestilah melaksanakan secara objektif dengan membuat penyelidikan-penyelidikan dan saya harap semua pihak dapat mengemukakan nilai-nilai yang rasional sebagai asas untuk diterima oleh yang lain-lain.

Walaupun saya suka menyatakan bahawa amalan setiap kaum itu yang berkaitan dengan kebudayaan mereka bukanlah kita maksudkan untuk menghalang mereka amalkan melainkan jika sekiranya amalan-amalan kebudayaan itu boleh menyentuh dan boleh merosakkan ataupun menyinggung kalangan-kalangan yang lain yang sudah tentu tidak wajar diketengahkan dalam masyarakat berbilang bangsa sebagai suatu yang hendak dipaksakan kepada kaum-kaum yang lain. Misalnya dari segi soal pemikiran yang tertentu. Sudah tentu pemikiran itu merupakan suatu ciri cara hidup dan kebudayaan yang mana orang-orang Islam mesti berasaskan kepada akidah Islam dan sudah tentulah bentuk dan corak pemikiran ini tidak boleh dipaksakan supaya diterima oleh kaum yang lain yang mempunyai suatu corak pemikiran yang lain. Tetapi kalau mereka hendak menerima secara sukarela, itu terpulanglah kepada mereka.

Di dalam Islam soal hendak memaksakan sesuatu bentuk akidah kepada orang lain memang tidak dibenarkan dan saya kira kalaulah sekiranya kita dapat mengemukakan sesuatu yang lebih rasional dan bersikap lebih teliti dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini lebih serius dalam usaha-usaha untuk mengatasi masalah kebudayaan dalam negara kita ini, saya yakin dan percaya bahawa kita dapat memperbaiki, kita dapat mewujudkan suatu identiti kita yang tersendiri. Kalau sekiranya sikap

Kementerian Kebudayaan dan Kerajaan sebagaimana keadaannya sekarang, kita akan menjadi mangsa terus kepada pembaratan dan kebudayaan barat.

Tuan Pengerusi: Masa cukup, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.08 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya berucap di bawah Maksud B.27, muka surat 242, Program (2) Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya perlu menjelaskan satu perkara yang sangat pokok, yang sangat serius, yang sangat mustahak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling sebagai pemimpin PAS. Mungkin ini adalah satu dasar kebudayaan PAS yang saya tidak akan mempersoalkan tetapi apa yang suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah negara Malaysia khususnya masyarakat PAS perlu menerima satu hakikat, perlu mengakui satu sejarah yang melebihi 5,000 tahun iaitu Tarian Singa adalah merupakan satu bahagian, satu intisari kebudayaan China yang begitu mustahak. Adalah merupakan satu kebudayaan tradisi yang bersejarah beribu-ribu tahun. Itulah sebabnya masyarakat Cina sebagai sebahagian dalam negara Malaysia yang berbilang bangsa ini masih terus mengamalkan tradisi kebudayaan yang bersejarah ini. Janganlah cuba menimbulkan satu motif politik yang sangat kotor yang mengaitkan Tarian Singa dengan Negeri China. Kita adalah rakyat Malaysia yang tulin, yang taat setia, takkan Tarian Singa ini sengaja dikaitkan dan diperhubungkan dengan apa yang ada dalam Negeri China. Apa yang ada di Negeri China adalah Negeri China punya hal. Apa yang kita mempersoalkan, yang menitikberatkan ialah kaum Cina yang ada di Malaysia hari ini adalah merupakan satu kaum.....

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak beri jalan. Adalah merupakan warganegara Malaysia yang taat setia, yang berpatriotik, yang akan berkorban demi tanahair kita. Jangan cuba mempersoalkan sesuatu yang ada mempunyai motif politik yang kotor dan cuba membayangkan bahawa Tarian Singa ini adalah diimport daripada Negeri China.

Saya akui ini adalah berasal dari negeri China tetapi langsung tidak ada perhubungan dari segi ketaatsetiaan warganegara Malaysia hari ini. Kalau hendak dipersoalkan asal usul satu-satu kebudayaan kaum, saya kata di Malaysia langsung tidak ada satu kebudayaan yang boleh dikatakan 100% pure. Manakah satu kebudayaan termasuk kebudayaan Melayu, kebudayaan India, kebudayaan Tionghua dan lain-lain semuanya adalah merupakan satu kebudayaan yang kita anggap sebagai kebudayaan Malaysia, sebagai kebudayaan negara kita. Saya harap kita sebagai pemimpin yang bertanggungjawab janganlah cuba mempergunakan isu kebudayaan ini sebagai isu yang akan memecahbelahkan perkauman di negara kita.

Di sini saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa saya bukan memperjuangkan kebudayaan Cina di sini, tidak. Apa yang saya cuba memperjuangkan dan menarik perhatian di Dewan yang mulia ini ialah Kebudayaan Malaysia, kebudayaan rakyat hanya boleh dilatih diwujudkan melalui satu peraliran yang bebas di kalangan masyarakat negara kita yang berbilang bangsa. Tidak boleh diwujudkan atau dilahirkan melalui satu formula yang memaksa umpama *a, b, c*, okay, keluarlah satu Kebudayaan Nasional. Ini adalah salah konsepnya.

Saya tidak mahu lagi mempersoalkan perkara yang ada berkaitan dengan konsep atau dasar kebudayaan tetapi saya menyeru semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaumnya, apa parti politiknya menerimalah hakikat bahawa setiap kebudayaan daripada setiap kaum yang ada di Malaysia ini baik Kadazan, Iban, Melayu, Cina, India, Portuguese semuanya ini adalah kebudayaan Malaysia, kebudayaan rakyat, kerana mereka adalah rakyat Malaysia, kecuali kita hendak menolak atau menafikan mereka bukannya

warganegara Malaysia bahawa ini bukanlah kebudayaan Malaysia. Kalau mereka.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya sudah beri masa untuk berucap berkenaan dengan dasar-dasar Kebudayaan "The Theory of a Culture", sila teruskan.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih atas nasihat, Tuan Pengerusi. Saya perlu menjelaskan satu misleading statement yang lahir daripada pemimpin PAS.

Akhirnya mengenai kebudayaan tarian singa ini, saya minta Kerajaan mempertimbang dari segi hak asasi manusia dan segi aspirasi rakyat untuk menghapuskan syarat-syarat yang dikenakan terhadap permohonan permit untuk memainkan tarian singa khasnya dalam Perayaan Tahun Baru China atau apa-apa upacara dianggap sangat mustahak bagi masyarakat negara kita khasnya masyarakat Tionghua.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya akan menyentuh muka 243—Sukan.

Saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini khasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa sukan adalah merupakan satu aktiviti yang sangat mustahak untuk menguatkan kesihatan dan kekuatan tenaga rakyat Malaysia dan ini adalah merupakan satu platform untuk menggerakkan pengaliran rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini supaya kita boleh mencipta atau mencapai perpaduan rakyat melalui permainan sukan baik di kalangan Malaysia atau di kalangan antarabangsa. Tetapi nampaknya sukan baru-baru ini sudah dijadikan sebagai alat perjudian (gambling instrument) oleh sindiket-sindiket tertentu khasnya bola sepak. Perkara ini perlu diawasi dan diambil berat oleh Kerajaan umpamanya hari ini dalam *Malayan Tung Pow*, headline katanya ada Bookie Lee Saudi Arabia.

Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak. Apakah sebabnya setiap persaingan bola sepak tentu berlakunya satu perjudian yang hebat sekali yang melibatkan sendiket-sendiket bukan sahaja di Malaysia bahkan international syndicate yang terlibat. Perkara ini sangat serius, perlu dicegah, jika tidak,

sukan ini akan dijadikan satu alat untuk meracun fikiran rakyat kita.

Umpamanya, tuduhan-tuduhan yang melibatkan ahli-ahli pasukan negara kita yang boleh dibeli, yang ada terlibat rasuah, yang ada terlibat berbagai bentuk rasuah yang melibatkan orang-orang yang tertentu. Apakah sebabnya yang perkara ini tidak boleh dihentikan baik oleh BSN atau pihak Polis.

Di sini saya mendesak BSN dan pihak Polis untuk bertindak segera dan tegas untuk membentasi sendiket-sendiket yang cuba memeralatkan permainan sukan ini sebagai satu sukan yang begitu sihat, akhirnya dijadikan satu permainan sebagai alat perjudian yang tidak langsung.

Tuan Pengerusi, satu point lagi ialah mengenai tayangan siaran secara langsung di TV yang berkaitan dengan permainan bola sepak. Saya harap Kementerian Sukan boleh mengadakan satu dasar dan peraturan yang jelas, apa sebabnya beberapa jenis permainan tidak boleh ditayangkan melalui siaran secara langsung, ada kalanya boleh. Sekarang rakyat berasa keliru, siapakah yang memutuskan perkara ini. Adakah di bawah jagaan dan tanggungjawab Kementerian Penerangan atau di bawah Kementerian Belia dan Sukan, atau siapakah pihak yang bertanggungjawab atas perkara ini.

Saya harap perkara ini bolehlah dijelas dan dibetulkan dan akhirnya saya adalah mengingatkan pemimpin-pemimpin PAS menerimalah hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang bangsa. Jangan cuba memperkecil-kecilkan tarian singa sebagai kebudayaan yang mustahak, sebagai kebudayaan yang tulen yang dianggap sangat sah oleh masyarakat Cina. Sekianlah sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.56 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta dalam Maksud Bekalan 27 oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sepertimana yang ada di hadapan kita pada hari ini. Saya ingin bercakap berkenaan dengan B. 27,

muka surat 241, Butiran 1100 berkenaan Pentadbiran Am dan Pentadbiran Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, sebelum daripada itu saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan syabas kepada Kementerian ini kerana melalui Kementerian ini banyak Kebudayaan Nasional yang kita cita-citakan itu sedang dituju oleh Kementerian ini di dalam berbagai-bagai aspek dan cara hendak mewujudkan satu Kebudayaan Nasional sepertimana yang kita harap-harapkan di dalam negara kita ini.

Saya ucapkan syabas, kerana kita telah lihat daripada bertahun-tahun dahulu dengan sekarang telah ada wujudnya kebudayaan-kebudayaan yang boleh diterima oleh segala bangsa di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan Program (1) (c) (ii) Kedah—Pentadbiran Negeri-negeri.

Saya tengok pegawai yang diuntukkan sebanyak 54 orang iaitu seluruh kakitangan daripada 53, cuma seorang ditambah dan peruntukan yang diberi kepada negeri Kedah ialah \$360,000. Pada pandangan saya, peruntukan ini sangat sedikit, kerana penduduk negeri Kedah pada hari ini telah meningkat kepada 1.2 juta dan kalaulah perangkaan yang kita pakai sekarang 60% daripada penduduk itu adalah belia, maka pegawai-pegawai dan peruntukan yang diberi itu sangatlah sedikit hendak menjaga belia-belua yang hampir 700,000 orang.

Oleh yang demikian, bagi masa hadapan saya mintalah Kementerian ini dalam merangka peruntukan ataupun membekal pegawai-pegawai patutlah kita tengok berapa ramai di dalam negeri tersebut maka di situlah menjadi pedoman kepada kita memberi peruntukan bagi pentadbiran negeri.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pula kepada Butiran B. 27 muka surat 242 dan juga 243 Program (d) Latihan, (e) Yunit Penilaian Penyelidikan, masuk juga Program (2) Kebudayaan (a), (c) dan (e) merangkumi semua. Bercakap berkenaan dengan kebudayaan, kita telah dengar dua pendapat yang berlainan di dalam Dewan yang mulia ini, seorang Wakil iaitu Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah ada bercakap dia bukan

menentang orang pakai songkok tetapi apa yang dicakap dia tidak suka orang lain daripada orang Melayu memakai songkok. Ini adalah satu pendapat yang tidak boleh diterima oleh rakyat Malaysia yang mana kita sedang menuju kepada Kebudayaan Nasional. Pakai songkok bukanlah salah, baik kepada orang India ataupun orang Cina dan juga kepada orang Melayu. Ini patut kita banggakan. Itu boleh menidentitikan bahawa kita adalah datangnya daripada Malaysia, songkok adalah satu perkara yang penting dan patut kita pakai dan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat soal atau cakapkan berkenaan dengan songkok ini apa kaitan dengan Pengurusan, Perhubungan Urusetia Pembangunan, Galakan, Pendidikan dan Kebudayaan semua sekali. Kalau tentang dasar songkok itu, itu hal dasar. Tetapi dikaitkan dengan Pengurusan tadi, menggalakkankah atau macam mana?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya terpaksa bercakap ini secara am tadi disebabkan perkara ini dibangkitkan oleh Wakil dari Batu Gajah.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara am tidak boleh dibawa di sini melainkan dasar am pentadbiran. Perkara am polisi sudah dibuat atau sudah dibahaskan. Sekarang ini cuma perbahasan berkaitan dengan dasar am Kementerian dan juga khususnya berkaitan dengan empat lima perkara di bawah kebudayaan. Itu sahaja.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kerana benda ini boleh dicakapkan oleh Wakil Batu Gajah maka tidak ada sebab saya tidak boleh bercakap.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya sudah beritahu tadi itu ada kaitan dengan soal lain. Apa Yang Berhormat cakap ini tidak ada kaitan dengan soalan tadi. Ini berkenaan dengan perkara dalam Jawatankuasa. Janganlah Yang Berhormat terlampau banyak soal jawab dalam perkara ini. Tolong teruskan kepada apa yang hendak dicakapkan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Pengerusi, tadi kita dengar panjang apa yang

dicakapkan oleh Wakil dari Baling, kita berasa bangga juga kerana pendapat-pendapat beliau hendak cuba tonjol dan diganggu oleh Wakil dari Kota Melaka berkali-kali tidak dibenarkan. Beliau becakap berkaitan dengan kebudayaan. Kebudayaan am, terutama sekali ia menyatakan Kementerian ini menghalang semuanya, Kementerian ini gagal menuju kepada Kebudayaan Nasional dan sebagainya. Beliau bangkit sebagai contoh, pakaian. Kita tidak menggalakkan wanita-wanita memakai seperti orang Islam. Ini tidak betul. Saya cuma hendak membetulkan apa yang dicakap oleh Wakil dari Baling sedangkan beliau membangkitkan menyatakan pakaian barat diagung-agungkan tetapi malang sekali beliau sendiri memakai cara barat dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, sedangkan kalau dibanding dengan Wakil dari Ulu Muda saya agak saya adalah seorang yang bertanggungjawab di atas Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan Belia, iaitu Program (3). Kita bercakap banyak. Kementerian ini telah pun mencuba berbagai-bagai aspek hendak memajukan belia-belia. Kementerian tahu bahawa rakyat Malaysia pada hari ini adalah 60% terdiri daripada belia-belia tetapi mengapakah dan sebab apa kita masih terdapat pada hari ini masih banyak lagi pekerjaan-pekerjaan yang masih kurang belia. Contohnya, di negeri Kedah apabila musim hendak menuai padi kita tidak ada pekerja-pekerja yang sanggup hendak mengerjakan sawah padi. Ini menunjukkan bahawa latihan-latihan yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari ini tidak cuba menghiraukan kepada jenis pekerjaan yang kita adakan.

Lagi satu kekurangan yang kita hadapi di sini belia yang memainkan peranan ini, kita tengok banyak sangat belia-belia kita suka berhijrah ke Singapura seolah-olah di dalam negara kita ini tidak ada pekerjaan. Mereka pergi ke Singapura bukanlah 100% kurang pengalaman, mereka ada pengalaman. Dan mengapa sebabnya perkara-perkara yang semacam ini boleh berlaku di dalam negara kita sedangkan pembangunan begitu banyak sekali di dalam negara kita, kita susah hendak dapat belia-belia yang boleh menjalankan

kerja-kerja di dalam negaranya sendiri. Saya minta pihak Penyelidikan Bahagian Belia-belia ini supaya menjalankan penyelidikan bagaimana kita hendak menahan belia-belia keluar daripada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk ke muka surat 243 berkenaan dengan Sukan iaitu Program (4). Kita tengok Program (4) iaitu Pengurusan Bahagian (Management of Division), galakan sukan dan memajukan sukan dan juga penyelidikan sukan saya rangkumi semua sekali, Tuan Pengerusi.

Di akhir-akhir ini kita tidak ada satu permainan pun yang kita boleh banggakan. Dulu kita boleh bangga dengan badminton; badminton adalah satu permainan kebangsaan kita dan kita telah menjadi jaguh di dalam badminton, pada satu masa dulu kita boleh kata jaguh di dalam bola sepak dan satu ketika kita boleh katakan jaguh dalam lumba basikal, tetapi malangnya pada hari ini semua sukan yang saya sebutkan tadi telah hilang kejaguan dalam negara kita. Mengapakah dan sebab apa perkara ini berlaku sebegitu rupa? Ini perlu kita kaji, perlu diteliti, perlu disiasat dan perlu diselidik mengapa dan sebab apa. Mungkin salah satu sebab yang heboh kita dengar di mana-mana dan setiap hari dicakapkan orang ialah kedudukan FAM di kebelakangan ini begitu lemah sekali yang mana saya harap Kementerian ini perlu memberi perhatian yang serius kepada kedudukan suatu pertubuhan yang menggalakan bola sepak di dalam negara kita. Mengapa dan sebab apa kedudukan yang sebegitu yang kita tengok di dalam surat-surat khabar, berbalah pihak ini tidak setuju ini, sebelah pihak yang lain pula tidak setuju yang ini. Jadi apa sebabnya. Ini perlu disiasat dan perlu dikaji. Keseluruhannya kita boleh katakan standard sukan dalam negara ini begitu rendah sekali. Sungguhpun tiap-tiap tahun kita beri peruntukan banyak kepada Kementerian ini supaya menggalakan sukan tetapi semakin setahun semakin malap—semakin setahun semakin malap. Contohnya, apabila pasukan bola sepak kita pergi bermain di Kuwait, begitu memalukan negara kita dan bukan itu sahaja selepas berlaku perlawanan itu, di dalam negara kita berlaku kucar-kacir dalam pertubuhan FAM ini. Orang ini salah orang itu, orang itu salah orang ini. Perkara

yang semacam ini tidak patut berlaku di dalam negara yang begitu maju di dalam sukan pada suatu masa dahulu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan sukan, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu peristiwa yang berlaku pada 12hb November, 1981 dan 19hb November, 1981 di Stadium Merdeka kita ini. Kita berasa bertuah dua pasukan berasingan pilih Ibu Kota negara kita Kuala Lumpur sebagai tempat perlawanan bola sepak Piala Dunia. Tetapi malangnya sekali di dalam perlawanan pada 12hb November baik dan juga pada 19hb November baik nampaknya rakyat Malaysia tidak begitu kasih dan sayang kepada negara ini sendiri. Kebanyakan penonton- penonton yang pergi terutama sekali semalam pada 19hb November yang mana tidak ditayangkan secara langsung oleh siaran TV kepada dunia itu juga menjadi kekeşalan kepada seluruh rakyat dalam negara kita. Kita lihat penonton- penonton begitu tidak sopan sekali, mereka masuk dengan begitu banyak dengan pakaian seolah-olah mereka itu bukan rakyat negeri ini. Kebanyakan mereka berpakaian merah dan memberi satu sokongan yang begitu kuat kepada satu pasukan. Ini adalah memalukan negara kita. Pasukan Arab Saudi telah bersetuju memilih tempat iaitu Kuala Lumpur kerana pada fikiran mereka bahawa negara ini adalah negara Islam dan mungkin kerana mereka adalah negara Islam kita akan memberi sokongan yang kuat, tetapi malangnya tiket-tiket habis dibeli sehingga banyak orang tidak dapat membeli tiket.

Orang-orang yang beragama Islam masuk hendak melihat permainan sukan yang sebenar-benarnya, dengan ertikata sukan tetapi masalah perkauman begitu tebal sekali ditonjolkan dalam permainan sukan itu hingga terkagum pemain-pemain Arab Saudi, diejek-ejek oleh penonton- penonton, itu adalah satu perkara yang kita bertanggungjawab yang patut kita kaji bersama, sebab apa dan mengapa perkara yang semacam itu boleh berlaku di dalam negara kita. Ini patut diambil perhatian dan kalau boleh di masa depan kalau ada perlawanan-perlawanan yang semacam itu, patut kita beri perhatian sebelum mereka masuk kita buat tinjauan sama ada mereka

masuk hendak buat kacau ataupun seperti kata Wakil dari Kota Melaka tadi mereka itu berjudi dan sebagainya. Kalau mereka masuk hendak buat kacau daun, hendak mengejek-ejek pasukan yang mereka tidak bersetuju, ini patut ditahan, jangan beri mereka masuk di dalam Stadium itu. Ini perlu pihak Kerajaan beri perhatian, berilah pemikiran bagaimana perkara ini boleh berlaku dan kita minta kalau boleh di masa-masa akan datang perkara yang seumpama itu janganlah berlaku di dalam negara kita yang mana rakyat berbilang bangsa duduk dalam negara ini.

Saya berjumpa dengan dua tiga orang Arab semalam selepas permainan itu, mereka berasa kesal di atas perbuatan dan kejadian di dalam dua permainan mereka di Stadium Merdeka kita itu. Mereka merasa kesal dan mungkin ini menjadi satu perkara di antara hubungan kita dengan negara Arab pula.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Sukan ini, saya bersetuju dengan Wakil dari Kota Melaka tadi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan perlulah melihat, perlulah memberi perhatian sama kepada mereka yang berada berselerak dalam negara kita. Seluruh negara mahu melihat perlawanan semalam, perlawanan di antara orang-orang daripada Tiongkok dan juga daripada Arab Saudi yang datang bermain di sini, itu adalah kebanggaan kita. Seluruh negara turut sama berbangga tetapi malangnya diblackoutkan—tidak ada siaran terus-menerus.

Kalau boleh saya mintalah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di masa-masa akan datang, kalaulah tiket sudah dijual habis, permainan itu begitu menarik sekali yang mana orang ini menonton, orang ini melihat standard sukan itu, maka perlulah Kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Penerangan supaya disiarkan melalui TV kerana bukanlah semua orang boleh masuk dalam Stadium Merdeka kerana Stadium itu begitu kecil. Kita ingin melihat bersama bagaimana standard mereka bermain—mutu permainan mereka dengan melihat itu kita juga belajar daripada mereka yang mana kita sendiri sedang meningkat naik mutu sukan ini, dengan melihat itu, kita boleh pelajari banyak daripada apa yang kita lihat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam perjanjian tadi, perbincangan ini akan habis pada pukul 5.30 petang tetapi memandangkan bahawa Yang Berhormat masih lagi hendak bercakap, saya beri dua minit lagi.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih. Saya ingin merujuk muka surat 263, Butiran 3 dan 6.

Saya bersetuju dengan wakil-wakil yang lain bahawa Tapian Gelanggang (Kompleks Pelbagaiguna) ini kita ucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian telah mewujudkan banyak tetapi janganlah kita tumpukan kepada ibu negeri semata-mata macam di Kedah hanya di Alor Setar sahaja dan Tapian Gelanggang, kalau boleh jenis Tapian Gelanggang ini perlu juga diwujudkan di Sungai Petani, di Pendang di Sik dan sebagainya dengan seberapa banyak yang boleh, kerana Tapian Gelanggang ini adalah satu tempat yang begitu elok, begitu baik sekali. Saya mintalah pihak Kementerian ini di masa-masa akan datang lebih banyak lagi Tapian Gelanggang diwujudkan dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, saya ingin juga meminta daripada Kementerian ini supaya padang-padang permainan kerana tujuan kita hendak meninggikan mutu sukan, perlulah diwujudkan di tiap-tiap daerah, kita perlu adakan padang permainan, padang sukan dari segi bola tampar, segala-gala jenis, sesuai benarlah dengan permintaan saya Tapian Gelanggang itu perlu dibanyakkan, kalau boleh adakan di tiap-tiap daerah. Dengan cara itu kita berharap supaya standard sukan kita ini akan naik daripada apa yang ada pada hari ini iaitu meleset sekali keadaannya. Ini adalah tanggungjawab pegawai-pegawai dalam Kementerian untuk menggalakkannya, fikirkanlah cara bagaimana kita hendak memajukan sukan, memajukan kebudayaan, memajukan belia di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, dengan pendapat-pendapat saya itu, saya menyokong peruntukan ini supaya diluluskan dan pihak Kerajaan perlulah memberi perhatian yang serius kepada Kementerian ini kerana Kementerian ini adalah satu Kementerian yang sungguh-sungguh penting kepada

kemajuan dan juga pembangunan negara kita di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran tentang perkara-perkara di bawah Kementerian saya ini. Oleh kerana terlampau banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini, saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya tidak dapat memberi jawapan kepada mereka satu demi satu.

Tuan Pengerusi, tentang perkara latihan dan bimbingan belia yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, suka saya di sini mengatakan pandangan-pandangan, teguran-teguran yang diberikan adalah sangat bernilai kepada Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, pembangunan negara memerlukan tenaga kemahiran di semua peringkat. Golongan belia yang merupakan lebih 30% penduduk negara ini ialah sumber utama untuk menimba tenaga tersebut. Oleh kerana sebilangan besar para belia ini tiada berkemahiran maka Kerajaan dan juga agensi-agensi Kerajaan menjalankan program-program latihan sebagai strategi untuk mewujudkan tenaga mahir.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya adalah salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan usaha-usaha untuk memberi latihan dan bimbingan kepada belia di negara kita ini. Dengan itu Kementerian saya telah pun mengadakan atau menjalankan beberapa program-program atau projek-projek latihan untuk memberi belia-belia kemahiran vokesyenal, kemahiran berniaga, kemahiran memimpin di samping memupuk disiplin dan

motivasi. Rancangan-rancangan ini mempunyai berbagai objektif.

Tuan Pengerusi, di antara objektif-objektif ini ialah latihan vokesyenal adalah untuk membolehkan belia-belia mendapat pekerjaan dan bekerja sendiri. Latihan perniagaan dan perdagangan adalah bertujuan melahirkan usahawan. Latihan-latihan kepimpinan membolehkan belia-belia mentadbir pertubuhan-pertubuhan belia. Latihan lanjutan kemahiran adalah untuk meningkatkan lagi kerjaya dan juga kursus-kursus kemahiran sosial dan hidup adalah untuk menjadikan belia rakyat yang berguna.

Tuan Pengerusi, untuk menjayakan usaha-usaha yang telah pun ditanggungjawab kepada Kementerian, program-program latihan yang dijalankan ini adalah melalui dua cara, iaitu cara institusi dan juga cara tidak berinstitusi.

Latihan-latihan berinstitusi yang dijalankan oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

Latihan dijalankan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, di Pusat Latihan Belia Kuala Trengganu dan di Pusat Latihan Belia Pertak.

Latihan tidak berinstitusi adalah seperti berikut:

Latihan sambil bekerja, latihan sambil niaga, latihan kemahiran anjuran pertubuhan-pertubuhan belia, latihan penyelia kilang, latihan kemahiran sosial dan hidup dan juga latihan kepimpinan di semua peringkat.

Tuan Pengerusi, suka saya di sini mengatakan tugas atau tanggungjawab Kementerian saya untuk memberi latihan-latihan bukan sahaja untuk melengkapkan belia-belia supaya mereka berdikari tetapi ada juga tujuan-tujuan yang lain. Satu tujuan yang penting sekali ialah perpaduan antara belia-belia yang berbilang kaum.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, Malaysia menetapkan perpaduan negara sebagai matlamat utamanya, bukan sahaja pertimbangan berat diberi kepada keadaan

ekonomi dari segi pembahagian saksama kekayaan dan sumber-sumber negara bahkan pertimbangan sama berat juga harus diberi kepada keadaan sosial dari segi menimbulkan prasangka perkauman. Keadaan ini boleh dihasilkan melalui introduksi penyertaan berbagai kaum dalam program-program dan masalah yang sama, kesetiaan dan perasaan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, belia-belia negara ini yang merupakan golongan yang sentiasa berubah adalah orang yang sebaik-baiknya mewujudkan keadaan ini. Dalam pada itu perpaduan di kalangan belia adalah bererti perpaduan rakyat kerana belia-belia tidak akan berhadapan dengan sebarang sengketa kaum.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan perkara sukan. Suka saya di sini mengatakan walaupun negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun tetapi patut kita mengakui bahawa mutu sukan di negara kita jika dibandingkan dengan beberapa negara yang lain boleh dikatakan adalah menasabah. Satu faktor yang penting yang patut kita mengakui dan menerima, Tuan Pengerusi, ialah ahli-ahli sukan di negara kita ini adalah "amateurs", iaitu mereka bukanlah orang profesional, dan oleh kerana itu boleh dikatakan ahli-ahli sukan di negara kita ini walaupun mereka dengan sukarela sendiri mengambil bahagian dalam berbagai-bagai bidang sukan, mereka telah pun memberi sumbangan yang patut kita memberi pujian.

Tuan Pengerusi, suka saya menyatakan di sini walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang kecil dibandingkan dengan negara-negara yang lain dan juga sebuah negara yang sedang membangun, kita merasa bangga ahli-ahli sukan (athlete) kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang yang patut kita memberi kepujian. Memang saya setuju dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi yang telah pun memberi pandangan-pandangan tentang pencapaian ahli-ahli sukan atau pasukan-pasukan sukan kita di negara ini, khasnya di dalam pertandingan antarabangsa. Tetapi walaupun setengah-setengah ahli-ahli sukan kita menghadapi berbagai-bagai masalah,

boleh dikatakan mereka telah pun memberi sumbangan yang besar, mereka telah pun, dengan izin, have done their best. Oleh kerana itu kita negara Malaysia ini pernah menjadi jagoh di beberapa bidang sukan, umpamanya badminton, bowling dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kemajuan sukan di negara kita ini, suka saya di sini menegaskan bahawa banyak badan-badan sukan, badan-badan sukan ini adalah badan-badan sukan sukarela seperti FAM dan juga Malayan Hockey Association, Malayan Badminton Association dan lain-lain. Badan-badan sukarela ini telah pun memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan sukan di negara kita ini. Di sini suka saya mengatakan Kementerian saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada badan-badan ini oleh kerana dengan usaha merekalah kita mencapai kejayaan yang cemerlang di beberapa bidang sukan, termasuk bola sepak walupun pada ketika ini ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ada juga orang ramai yang mengatakan mutu sukan kita telah pun merosot.

Tuan Pengerusi, sebenarnya mutu sukan kita tidak merosot. Saya mengatakan begitu oleh kerana sebenarnya mutu sukan kita telah pun meningkat tetapi hanya jika kita bandingkan dengan mutu sukan yang dicapai oleh beberapa negara boleh dikatakan di setengah-setengah negara mutu sukan telah pun meningkat dengan kadar yang lebih cepat. Ini bukan bermakna mutu (standard) sukan kita sudah merosot, tetapi sebaliknya telah meningkat hanya tidak begitu cepat jika dibandingkan dengan beberapa negara-negara yang lain.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, tentang sukan ada lagi satu dua perkara yang saya suka menyentuhkan di sini. Yang pertama tentang siaran melalui TV.

Tuan Pengerusi, memang pandangan individu, saya juga adalah jika boleh semua pertandingan yang menarik umpamanya pertandingan bola sepak yang baru sahaja kita adakan di sini iaitu pertandingan antara pasukan China dan pasukan Arab Saudi dan saya memang bersetuju jika boleh kita akan

menyiarkan segala pertandingan yang menarik tetapi saya menegaskan di sini, ini bukanlah satu perkara yang melibatkan satu pihak sahaja. Untuk menyiarkan melalui TV adalah satu perkara yang melibatkan beberapa pihak dan jika antaranya satu pihak sahaja menimbulkan sesuatu masalah yang tidak dapat diterima oleh pihak-pihak yang lain yang berkenaan maka siaran ini tidak dapat dibuat.

Tuan Pengerusi, tentang perkara-perkara lain, umpamanya Tapian Gelanggang pandangan-pandangan atau cadangan-cadangan yang dibuat oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan mengambil perhatian ini dengan tujuan memperbaiki kedudukan khasnya untuk membina lebih banyak lagi Tapian Gelanggang di tempat-tempat di negara kita ini khasnya di bandar-bandar yang kecil dan juga di luar bandar.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang boleh dikatakan kebanyakan Ahli Yang Berhormat mempunyai minat ialah perkara kebudayaan di negara kita ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang bernilai tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, memang menjadi hasrat yang tulin, yang jujur bagi pihak Kerajaan Malaysia iaitu hasrat untuk mengadakan satu kebudayaan nasional, satu kebudayaan yang mana rakyat Malaysia akan merasa bangga, yang mana rakyat Malaysia boleh mengadakan, inilah kebudayaan bagi rakyat Malaysia.

Saya berpendapat bahawa pada satu ketika yang akan datang dengan usaha-usaha yang kita telah, sedang dan akan jalankan, kita akan mencapai dan mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan; hanya saya harap usaha kita tidak akan dihalang khususnya oleh parti-parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi kita telah mendengar beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang telah pun memberi ucapan, boleh dikatakan ucapan yang menunjukkan unsur-unsur ekstremis. Kita mendengar Ahli Yang Berhormat dari Baling, beliau berucap dengan emosi menimbulkan sikap emosi dan juga sikap

ekstremis. Beliau juga menggunakan perkataan seperti rasional. Beliau harap kita akan bersikap rasional.

Tuan Pengerusi, jika seorang bercakap dengan emosi, orang itu tidak layak merayu kepada orang yang lain supaya menjadi atau bersikap rasional.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengatakan apa yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti PAP, maaf DAP. Saya fikir DAP dengan PAP sama juga—memang sama. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP sentiasa membangkitkan isu-isu yang boleh dikatakan telah lama dibangkitkan.

Sikap parti Pembangkang termasuk DAP memang sentiasa membangkitkan perkara-perkara isu-isu perkauman, isu-isu yang boleh dianggap itu ekstremis dan isu-isu ini yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang akan menghalang bukannya akan membantu kita sebaliknya akan menghalang kita untuk mencapai cita-cita kita untuk mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan. Tidak payahlah saya di sini untuk memberi lebih lagi masa kepada mereka yang tidak ingin membantu kita atas usaha kita ini.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang pada fikiran saya penting juga untuk saya memberikan sedikit pandangan iaitu tentang perkara penyalahgunaan dadah, tentang perkara ini kita patut mengadakan program-program pendidikan untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Tuan Pengerusi, penyalahgunaan dadah telah menjadi satu perkara besar yang merebak di kalangan belia-belie di negara kita ini. Sesungguhnya ia merupakan masalah sosial kerana ia melemahkan belia-belie kita dan mengakibatkan mereka melakukan kecurian dan penjenayahan.

Tuan Pengerusi, kursus-kursus pendidikan pencegahan dadah telah pun dianjurkan bukan sahaja oleh Kementerian saya tetapi juga oleh agensi-agensi yang lain yang telah pun dipertanggungjawabkan untuk perkara ini. Ini ditujukan khas kepada belia-belie sama ada belia di dalam bangku sekolah atau di luar sekolah yang merupakan

golongan yang besar yang mungkin menjadi penagih-penagih dadah. Dari kajian yang telah dijalankan, salah satu faktor besar yang membawa kepada penyalahgunaan dadah ialah pengaruh kumpulan sebaya. Dengan hal itu pertubuhan-pertubuhan belia adalah pengganti yang sesuai dengan adanya aktiviti-aktiviti yang sihat dan rundingcara yang efektif dalam program-program ini dengan dibantu oleh agensi-agensi yang lain. Kementerian saya menjalankan kursus rundingcara bagi pemimpin-pemimpin belia dalam pendidikan pencegahan. Adalah dijangka pemimpin-pemimpin belia yang sebaya itu akan memainkan peranan utama dalam menghindarkan rakan-rakan mereka dari bahaya salahguna dadah.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, ada juga beberapa cadangan yang telah pun dibangkitkan iaitu tentang kekurangan kakitangan dan alat-alat di pejabat Kementerian saya khasnya di negeri-negeri dan juga di daerah-daerah. Perkara ini saya akan mengambil perhatian dan diharap kedudukan ini dapat diperbaiki.

Suka saya menegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian saya memang membuat banyak cadangan-cadangan untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi dari Kerajaan dan kita harap pada satu ketika yang akan datang apa yang kita minta iaitu cadangan-cadangan yang Kementerian saya kemukakan kepada pihak yang berkuasa untuk memberi peruntukan kepada Kementerian dapat diterima dan diberi peruntukan yang mencukupi supaya kita dapat menjalankan rancangan-rancangan kita khasnya rancangan-rancangan yang pada pandangan Kementerian saya adalah sangat mustahak untuk kita menyempurnakan rancangan-rancangan kita itu.

Tuan Pengerusi, ini adalah sedikit-sebanyak jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan apabila membahaskan peruntukan bagi Kementerian saya. Oleh kerana banyak perkara telahpun dibangkitkan, yang mana saya tidak dapat memberi jawapan di sini, perkara itu akan kita mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada ucapanannya.

Tuan Pengerusi: Penjelasan boleh diberi, kalau ada Ahli Yang Berhormat berucap disalahtafsirkan.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada ucapan-ucapan dia sendiri.

Tuan Pengerusi: Itu tak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana tadi saya ada dengar di bilik, sebab itu saya turun, dia ada kata bahawa.....

Tuan Pengerusi: Itu tak boleh. Itu kalau hendak bangkitkan di masa lain.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya mahu tanya dia.....

Tuan Pengerusi: Tak boleh! Kalau ucapan Ahli Yang Berhormat disalahtafsirkan di bawah Peraturan Mesyuarat 35—itu boleh—tetapi ini bukan ucapan Ahli Yang Berhormat. Tak boleh.

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$40,103,300 untuk Maksud B. 27 dan \$3,891,300 untuk Maksud B. 28 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,103,300 untuk Maksud B. 27 dan \$3,891,300 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$46,230,040 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dan \$1,650,000 untuk Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$46,230,040 untuk Maksud P. 27 dan \$1,650,000 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1982.

Maksud B. 29 (Jadual)—

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis akan menimbangkan Maksud B. 29 dan P. 29 di bawah Kementerian Pertahanan dan sekarang dibuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

6.09 ptg.

Tuan Lee Kaw (Kluang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan di peringkat Jawtankuasa ini mengenai Kementerian Pertahanan. Saya suka menyentuh di sini mengenai B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (3) dan (4) Logistik dan Latihan di mukasurat 279.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan ini di tahun akan datang akan membelanjakan anggaran yang besar termasuk untuk pembangunan berjumlah \$4,850 juta. Di Butiran 1100—Gaji dan Upahan—itu pun ada tambahan yang lebih besar sebanyak 150 juta. Ini menunjukkan tentera di Malaysia akan diperbesarkan.

Saya bersetuju pasukan tentera kita dibesarkan oleh kerana kita pada hari ini menghadapi anasir-anasir bukan sahaja dalam negara kita, tetapi negara-negara di utara.

Tuan Pengerusi, jika expansion programme ada satu cash programme, nampaknya latihan-latihan mengenai askar-askar ini standardnya mestilah ada turun. Saya meminta Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berat mengenai latihan askar-askar kita oleh kerana ada beberapa kes baru-baru ini terdapat di sebuah negeri di utara Malaysia di mana askar menyerang Balai Polis. Ini menunjukkan askar-askar kita belum ada satu sikap dan belum tahu tanggungjawabnya.....

Tuan Pengerusi: Berita ini Yang Berhormat berdasarkan kepada akhbar bukan? Betul atau tidak?

Tuan Lee Kaw: Ini semua orang tahu.

Tuan Pengerusi: Yalah daripada akhbar dan di dalam akhbar juga saya dapat tahu Ketua Polis Negara sudah menafikan perkara itu, jadi tidak usah bangkitkan lagi.

Tuan Lee Kaw: Saya sendiri, Tuan Pengerusi, biasa atau experienced mendengar

mengenai askar-askar yang tidak ada disiplin di Kluang. Ini bukan suratkhbar di mana kita.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tadi bukan bangkitkan hal di Kluang tetapi di Perlis melalui suratkhbar, jadi Ketua Polis Negara sudahpun jelaskan yang berita dalam suratkhbar itu tidak betul, tidak menyerang kerana Panglima Briged Tentera dan juga Ketua Polis Negeri pun ada di situ, jadi tidak timbul lagi.

Tuan Lee Kaw: Tuan Pengerusi sebagaimana yang kita tahu Wakil-Rakyat pun ada diberitahu di Dewan ini iaitu perkara-perkara yang tidak disiplin dari askar-askar kita. Walau bagaimanapun, askar-askar bukan satu percentage yang besar, tetapi percentage yang kecil. Perkara ini ada berlaku di Melaka, di Johor Bahru, di Kluang dan di mana-mana Kem atau Garisan seperti di Kluang ada 7 Briged, di Melaka ada 2 Division atau 3 Division.

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang menyentuh mengenai perkara latihan, oleh kerana saya fikir kita tidak boleh dapat kedua-duanya, satu extension dan satu lagi mahu standard disiplin askar-askar kita supaya boleh bersama-sama maintain. Jadi saya minta Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berat mengenai askar-askar kita di Malaysia, oleh kerana mengikut apa yang saya tahu dalam masa dharurat askar-askar British di Malaysia yang berkhidmat di sini masuk ke hutan beberapa bulan untuk membuat operasi dan setelah beberapa bulan dalam hutan ini apabila mereka keluar dalam bandar jadi seperti spring yang apabila sudah ditekan sekian lama, bila terlepas dia macam let-go.

Tuan Pengerusi: Ada spring yang terus jam, tidak boleh naik lagi. (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Kadang-kadang spring boleh jam, tetapi ada setengah spring dia boleh lepas dan juga ramai askar-askar yang masuk ke dalam Bar, Night Club dan banyak minum.

Di sini kita boleh tengok latihan tidak cukup, dan Tuan Pengerusi pun tahu oleh kerana Malaysia kita ugama rasminya ialah Ugama Islam dan Timbalan Menteri yang berkenaan pun ada mengatakan askar-askar

yang berada dalam Garisan-garisan mempunyai facilities dan mereka boleh pergi ke masjid-masjid. Jadi di sini saya meminta Kementerian yang berkenaan buat satu gerakan bersama-sama dengan Menteri Pelajaran untuk mengadakan pelajaran agama (dakwah) supaya dapat memberikan lebih moral education, dan latihan ini boleh memberi mereka satu sikap untuk berkhidmat kepada negara kita dan bukan membuat sesuatu dengan sesuka hati, tidak mengikut disiplin. Latihan bukan sahaja untuk tahu berlawan atau moral education dan latihan untuk logistik di mana satu sikap oleh kerana askar-askar yang memandu lori yang besar saiz tannya dan menganggap jalan itu adalah kepunyaan mereka. Kita boleh tengok lori-lori ini khasnya di Kluang sudah beberapa kes kemalangan berlaku, sudah berapa kes orang mati. Saya tahu askar-askar mestilah mendapat latihan untuk memandu kereta dan janganlah dijadikan satu bandar, satu tempat kepunyaan mereka, tidak kira siapa-siapa tidak mempunyai satu tanggungjawab yang berat dan memandu kenderaan sehingga 60 mph (mile per hour) bukan kilometer dan jika keadaan begini berterusan, orang-orang merasa tidak puas hati, kerana ini adalah satu imej askar rakyat atau people's army.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya mengambil peluang untuk menyentuh Maksud B. 29, Butiran 2700 mengenai Bekalan dan Bahan-bahan di muka surat 281.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 2700, Bekalan dan Bahan-bahan' ini sejumlah \$615,000 juta akan dibelanjakan.....

Tuan Pengerusi: Mana sampai banyak itu—seluruh Belanjawan Negara pun tidak sampai begitu banyak.

Tuan Lee Kaw: \$615 juta.

Tuan Pengerusi: Itu betul.

Tuan Lee Kaw: Minta maaf. Ini berbanding dengan tahun ini, ada pertambahan \$120 juta. Nampaknya saya tidak tahu adakah oleh kerana askar-askar ditambah atau inflasi atau lain-lain perkara. Saya suka mengambil peluang menyentuh di sini, mengikut Laporan Auditor-General kes instant mee di mana perkara ini sudah berlaku di Sabah dan Sarawak.....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat pun sudah membaca juga, perkara instant mee dan apa yang dibangkitkan oleh Auditor-General dan sedang ditimbang oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara itu, sebelum dan selagi tidak dibentangkan laporan perjalanan itu tidak bolehlah disentuh di sini. Perkara lain boleh.

Tuan Lee Kaw: Saya beri contoh.

Tuan Pengerusi: Tetapi contoh itu tidak boleh. Contoh yang dalam timbangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengikut Peraturan Mesyuarat 85.

Tuan Lee Kaw: Tuan Pengerusi, jika satu laporan dari Auditor-General yang sudah published.....

Tuan Pengerusi: Ini Peraturan Mesyuarat yang melarang membahaskan sesuatu yang sedang dalam timbangan PAC (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara); bukan laporan itu. Perkara yang lain boleh sebut tetapi yang sedang dalam timbangan tidak boleh.

Tuan Lee Kaw: Tuan Pengerusi, pada pandangan saya walaupun perkara ini saya mungkin terima apa penjelasan dari Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Bukan saya yang melarang, Peraturan Mesyuarat yang melarang!

Tuan Lee Kaw: Jika begini Peraturan Mesyuarat sangat tidak sesuai oleh kerana jika PAC 10 tahun baru selesaikan perkara ini jadi 10 tahun tidak boleh.....

Tuan Pengerusi: Perhatikanlah jangan sampai 10 tahun!

Tuan Lee Kaw: Ya, ini pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Tetapi tidak boleh cakap.

Tuan Lee Kaw: Jika tidak boleh cakap, kita membahaskan berapa juta wang ini tetapi.....

Tuan Pengerusi: Semua perkara-perkara pertahanan boleh cakap, melainkan yang belum lagi dibentangkan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Tuan Lee Kaw: Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 2700—Bekalan dan Bahan-bahan. Saya terperanjat oleh banyak perkara yang tidak berjalan dengan betul yang sudah dijalankan dalam Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, satu belanjawan yang besar ini sistem guna daripada Kementerian Pertahanan untuk provision kepada askar-askar ini mesti dikaji.

Saya dapat aduan-aduan dari askar-askar di Kluang di mana mereka dapat makanan yang tidak ada standard. Walaupun ada ditunjukkan dalam tawaran ini mesti ikan tenggiri tetapi hari itu tidak ada ikan tenggiri walaupun ini ada tender, ada satu perjanjian. Saya harap sistem ini mesti dikaji. Walau bagaimanapun, Treasury ada meluluskan tetapi apa yang Treasury tahu, dia mesti dapat laporan, recommendation dari Kementerian Pertahanan. Ini mesti dikaji dan saya mencadangkan oleh kerana askar-askar ada peraturan-peraturan, mereka tidak boleh membuat aduan kepada pegawai-pegawai yang berpangkat lebih tinggi tetapi ini mesti dibubarkan di mana askar-askar kita yang makan barang-barang itu diberi satu peluang beritahu kepada satu jawatankuasa tanpa tindakan disiplin kepada askar. Jika tidak, semua askar tidak puas hati.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang menyentuh P. 29 di muka surat 282. Butiran 1—Bangunan—di mana saya kata tadi askar atau tentera-tentera kita pada masa ini dalam Rancangan Malaysia satu extension programme yang besar tetapi tidak ada satu program yang ada koordinasi. Kita boleh dapat askar-askar tetapi adakah kita beri rumah-rumah kepada mereka.

Saya beri satu contoh mengenai satu Helicopter Training School di Kluang, baru 3-4 tahun ini dilatih di Kluang tetapi quarters kepada pegawai-pegawai, tidak ada. Pegawai-pegawai ini terpaksa pergi ke luar bandar menyewa rumah tetapi oleh kerana pegawai-pegawai ini ada satu harga tetap tidak boleh lebih, Tuan Pengerusi, supply and demand, ini semua orang tahu, jika ramai orang—askar pun mahu rumah, lain-lain swasta pun mahu rumah, jadi harga pun mesti naik, pegawai-pegawai pun tidak puas hati.

Tuan Pengerusi, nampaknya tahun akan datang ada \$240 juta wang untuk Bangunan.

Malaysia masa ini ada lebih 10 Briged dan 3 Division. Ini ada lebih jika kita kira satu Briged ada 3,000 atau 4,000 askar, tidak termasuk logistik, transport dan lain-lain. Kalau 3 Division ada 100 lebih askar-askar kita, tiap-tiap kali kita tambah satu Briged, berapa banyak wang kita kena belanjakan. Kita mesti sediakan quarters dan lain-lain. Saya harap Kementerian yang berkenaan boleh mengambil perhatian berat mengenai bangunan-bangunan kepada pegawai-pegawai atau askar-askar.

Di sini saya juga suka mengambil peluang di mana saya sudah membangkitkan perkara ini mengenai Territorial Army. Territorial Army di Kluang terpaksa berkhidmat menjaga satu Microwaves Station. Mereka sudah berkhidmat di situ lebih 7-8 tahun siang dan malam. Sehingga hari ini tidak ada facilities untuk mereka, tidak ada quarters, air pun susah hendak dapat. Bagaimana kita boleh katakan askar-askar ada maruah lagi, mereka mesti tidak puas hati.

Tuan Pengerusi, apabila saya membangkitkan perkara ini untuk perhatian Kementerian Pertahanan, mereka jawab: Oh! Ini Posts and Telecommunications Ministry punya hal. Jangan tolak-tolak begini, askar-askar tidak faham. Apa yang dia faham ialah apa sebab mereka tidak ada quarters, tidak ada facilities. Inilah sebab askar-askar kita sangat frustrated, sebab itu mereka tidak kira maruah lagi, tidak kira disiplin lagi. Mereka yang bertanggungjawab mesti ambil perhatian yang berat dan tanggungjawab yang berat.

Tuan Pengerusi, saya pun sangat dukacita membaca dalam P. 29.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya benarkan 2 minit lagi kerana ada gangguan tadi.

Tuan Lee Kaw: Dua minit, lagi panjang! (Ketawa)

Tuan Pengerusi: Saya lanjutkan lebih kerana ada gangguan tadi. Jikalau bola, ini 'waktu cedera'! (Ketawa)

Tuan Lee Kaw: Butiran 10—Pusat Latihan Bekas Tentera, Sungai Buloh, hanya \$800,000 sahaja belanja untuk perkara ini. Tiap-tiap tahun kita tambah askar, tiap-tiap tahun mesti

ada lebih askar-askar yang pencen di mana ramai askar-askar ini masih muda dan tidak tahu lain-lain pekerjaan. Sepatutnya Kementerian yang berkenaan jangan adakan satu pusat sahaja. Jika tiap-tiap tempat ada briged, mestilah diadakan satu pusat di situ.

Tuan Pengerusi, saya juga suka membangkitkan satu perkara mengenai Butiran 7—Kapalterbang TUDM. Satu anggaran perbelanjaan akan dibelanjakan sebanyak \$300 juta tetapi kita semua tahu Tebuan Jet hari ini sudah out-of-date dan banyak kemalangan sudah terjadi. Akan datang kita belum tahu lagi apa jenis yang akan dibeli. Mengikut apa yang kita tahu jenis Sky-hawk atau A-7 Corsair. Saya harap Kementerian yang berkenaan menimbangakan adakah pilot kita boleh berkhidmat dalam kapalterbang itu. Jangan beli oleh kerana ini ada prestige, oleh kerana kita belanjakan satu jumlah wang yang besar dan saya harap pertimbangan diberi semasa membeli kapalterbang ini, jangan kita lekas-lekas beli. Kita mesti siasat dan analisa baik-baik baru kita beli oleh kerana kita jangan buat satu kesalahan macam Tebuan Jet.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya.....

Tuan Pengerusi: Masa cukup.

Tuan Lee Kaw: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

6.35 ptg.

Tuan Haji Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Pertahanan.

Sebagaimana yang telah saya katakan dalam masa membahaskan Belanjawan bahawa pertahanan negara adalah amat penting untuk pembangunan negara. Contohnya, oleh kerana adanya keselamatan yang stabil, politik juga stabil maka negeri Jepun dan negeri Jerman telah dapat membangunkan ekonomi mereka selepas Perang Dunia Kedua. Tetapi oleh kerana

tidak adanya kestabilan politik akibat daripada tidak adanya keselamatan dalam negara, maka Lebanon, sebuah negara yang menjadi pusat kewangan di Timur Tengah hari ini mengalami satu ekonomi yang begitu kucar-kacir sekali. Oleh itu, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memberikan satu peruntukan yang begitu besar kepada pertahanan negara.

Sebelum saya masuk kepada bab pertahanan negara ini, Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil perhatian Dewan ini kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang. Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa tentera-tentera kita pada masa ini tidak mempunyai disiplin. Saya bersetuju bahawa tentera-tentera kita hari ini kurang mendapat latihan, tetapi saya tidak bersetuju bahawa tentera-tentera kita hari ini tidak mempunyai disiplin.

Contohnya bahawa di serata negara-negara yang ada di kawasan kita hari ini tentera-tenteranya telah memberontak, telah merampas kuasa, telah mengadakan *coup d'etat*, tetapi tentera kita Alhamdulillah, sehingga hari ini masih taat setia kepada Kerajaan. Contoh ini saya rasa tidaklah kita boleh hendak mempermainkan. Ini adalah satu perkara yang amat penting kepada negara kita. Disiplin tentera dan juga disiplin polis yang begitu baik adalah amat penting kepada demokrasi yang ada di negara kita hari ini. Wujudnya demokrasi berparlimen di negara kita ini adalah kerana disiplin Tentera kita, disiplin Polis kita.

Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk membela bagi pihak tentera-tentera kita yang tidak dapat membela diri, bahawa kata-kata dan juga saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang tadi adalah amat tidak betul dan tidak tepat pada masanya. Sebenarnya kejadian yang berlaku di Perlis itu bukanlah satu kejadian.....

Tuan Pengerusi: Kejadian di Perlis itu tidak boleh ditimbulkan lagi.

Tuan Haji Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 29, Butiran 1100, Aktiviti (4)—Latihan. Kalau kita tengok

daripada Maksud B. 29 ini maka kita dapati bahawa gaji-gaji untuk Angkatan Tentera kita meningkat dan ini bermaksud bahawa tentera-tentera kita juga akan diperbesarkan. Untuk memperkuatkan lagi disiplin tentera kita, maka saya ingin mencadangkan supaya tentera-tentera kita ini diberi latihan yang lebih lama lagi ataupun diberi latihan yang lebih intensif lagi dan saya juga ingin mencadangkan supaya tentera-tentera yang hendak dihantar ke kawasan-kawasan sempadan mestilah terdiri daripada mereka yang cukup latihan dan mempunyai pengalaman peperangan. Kerana di hari ini kita terdapat setengah-setengah daripada tentera-tentera yang kita hantar ke sempadan merasakan begitu takut sekali untuk berhadapan dengan musuh. Mereka takut bukanlah kerana mereka itu pengecut tetapi oleh kerana mereka tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai latihan yang cukup. Jadi saya menyarankan di sini supaya tentera-tentera yang hendak dihantar ke kawasan sempadan mestilah terdiri daripada mereka yang cukup latihan dan juga mempunyai cukup pengalaman peperangan.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini juga saya ingin menyarankan supaya tentera-tentera kita yang hendak kita hantar ke sempadan ini kita beri kelengkapan yang cukup sesuai dan moden. Hari ini kelengkapan-kelengkapan yang ada pada tentera kita setengah-setengahnya tidak cukup moden, malahan kelengkapan yang ada pada pihak musuh lebih moden lagi daripada apa yang ada pada tentera kita. Jadi dengan itu saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian supaya kelengkapan kepada tentera kita dipermodenkan.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam masa membahaskan Belanjawan iaitu incident yang berlaku di Kroh oleh kerana kereta-kereta perisai kita tidak terdiri daripada kereta-kereta perisai yang kebal, misalnya seperti kereta-kereta kebal maka 'bazooka' pun boleh menembusi kereta-kereta perisai kita dan akibatnya sebagaimana yang telah saya katakan tentera-tentera kita yang berada di dalam kereta-kereta perisai ini pun turut hangus dijilat api.

Saya ingin mencadangkan di sini dan saya tidak berkehendakkan Kerajaan kita membeli

kereta kebal jikalau tidak sesuai pada masanya. Tetapi apa yang saya ingin sarankan sekurang-kurangnya bagi kereta-kereta perisai yang hendak kita hantar ke kawasan sempadan, misalnya, di Gerik, Kroh, kawasan di Perlis, di Kelantan dan sebagainya ataupun di Kedah kita hantarlah kereta-kereta perisai yang boleh tahan peluru.

Hari ini kalau kita kaji kembali keadaan Lebuhraya Timur-Barat tidak berapa lama lagi kita akan membuka Lebuhraya Timur-Barat yang akan menghubungkan di antara Pulau Pinang dengan Kelantan tetapi apabila lebuhraya ini kita buka, tidak bermakna bahawa pembangunan akan terus pesat di kawasan ini kerana kawasan ini adalah kawasan keselamatan dan kalau lebuhraya ini hendak kita gunakan maka keselamatan lebuhraya ini juga perlu diawasi oleh Kerajaan, perlu diperhebatkan lagi keselamatan di kawasan sempadan ini. Saya ingin mencadangkan supaya ke kawasan ini kalau boleh kita hantar kereta-kereta perisai yang lebih moden lagi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana hari ini pihak Kementerian sedang bercadang, sedang menimbang, sedang meneliti untuk membeli kereta-kereta perisai. Jadi sebelum kereta-kereta perisai ini kita beli saya ingin menyarankan supaya kereta-kereta perisai yang boleh tahan peluru-peluru bazooka kita beli. Kerana pihak komunis akan cuba untuk mengganggu lalulintas di kawasan Lebuhraya Timur-Barat ini. Oleh kerana kawasan ini merupakan kawasan lalulintas pihak komunis daripada negeri jiran kita. Jadi kalau kawasan ini tidak selamat maka sudah tentulah pembangunan yang hari ini menjadi impian kepada penduduk pantai timur, Gerik, Perak Utara, Kedah dan sebagainya akan hanya tinggal sebagai satu khayalan.

Jadi saya ingin menyarankan supaya satu ketumbukan tentera kita yang lengkap dengan kereta-kereta perisai dapat kita tempatkan di kawasan ini untuk memastikan keselamatan Lebuhraya Timur-Barat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembinaan kem-kem tentera ini, saya suka menarik perhatian kepada kem tentera yang akan kita adakan di Gerik. Sebagaimana yang kita sedia maklum pihak tentera akan membangunkan kem-kem tentera di Kroh,

Gerik dan juga di kawasan Lenggong. Kem Kroh akan menjadi kem pertahanan hadapan, kawasan Gerik kem berek-berek tentera untuk isteri-isteri tentera dan kem Lenggong sebagai kem bekalan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya apabila kita adakan kem-kem ini di Gerik, kem-kem ini dapat kita adakan sesuai sebagaimana kem Polis Hutan yang ada di Ulu Kita.

Hari ini misalnya bagi tentera-tentera yang berkhidmat di Gerik ataupun Kroh, kem mereka letaknya di Kuantan. Jadi ini merupakan satu perjalanan yang jauh dan kadangkala sehingga tiga bulan, suami tidak bertemu dengan isteri. Saya ingin mencadangkan supaya kem-kem tentera ini kita buat ataupun kita sesuaikan sebagaimana kem-kem Polis Hutan.

Berkenaan dengan kem-kem Polis Hutan ini apabila mereka mengadakan operasi, mereka akan masuk ke hutan dengan diangkut oleh kapalterbang, helikopter dan sebagainya. Tetapi bagi tentera hari ini ada setengah-setengah dari tentera yang berkhidmat di Gerik, kem atau base mereka adalah di Kuantan. Jadi ini merupakan satu perjalanan yang amat jauh, bermakna bapa-bapa terpaksa meninggalkan isteri dan anak begitu lama sekali, kadang-kadang sehingga sampai enam bulan, setahun dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya tentera-tentera ini kita tempatkan ataupun kem-kem mereka kita tempatkan dekat dengan kawasan operasi mereka. Dengan ini moral angkatan tentera kita akan meningkat dan dengan meningkatkan moral mereka maka khidmat mereka untuk negara juga akan meningkat.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan Butiran 2700—Bekalan dan Bahan-bahan.

Dalam masalah bekalan dan bahan-bahan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya bekalan dan bahan-bahan yang hendak dibekalkan kepada angkatan tentera kita ini dipecah-pecahkan kepada bekalan secara kecil-kecilan dan tidak lagi sebagaimana di masa-masa yang lalu iaitu bekalan ini disenaraikan sehingga 10-12 perkara dan ditender sekali gus. Dengan cara ini sudah tentulah pihak pemborong

bumiputera yang mana modal mereka kecil dan pengalaman juga kurang, sudah tentu mereka tidak akan dapat menyaingi pemborong-pemborong yang bukan bumiputera dalam masalah untuk mendapatkan tender untuk membekalkan bahan-bahan dan juga bekalan kepada angkatan tentera kita.

Saya ingin mencadangkan supaya bekalan-bekalan ini dipecah-pecahkan kepada satu-persatu. Misalnya, kalau hendak dibekalkan tali kasut maka tali kasut sahajalah yang dibekalkan dan bukan satu senarai 12 perkara misalnya butang baju, tali kasut dan sebagainya. Jadi dengan cara ini, ini akan memberi peluang kepada pemborong-pemborong bumiputera kita untuk dapat menyertai sama tender Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan di sini dan kalau perkara ini telah pun dihapuskan daripada apa yang berlaku di kem-kem tentera pada masa ini saya ingin mengucapkan tahniah. Sistem ini adalah sistem mes. Hari ini pegawai-pegawai tentera dikehendaki membayar yuran mes kepada mes-mes yang ada di kem-kem tentera. Sistem ini adalah satu sistem penjajah dan saya ingin menyarankan kalau sistem ini masih berjalan, supaya sistem ini kita hapuskan kerana hari ini kalau kita berkehendakkan tentera kita mempunyai disiplin, kalau kita berkehendakkan supaya tentera kita juga menjadi orang yang beriman supaya mereka dapat berjihad untuk mempertahankan negara maka kita perlu mengikiskan mes-mes ini daripada kem-kem tentera kita. Jadi saya ingin mencadangkan supaya mes-mes yang ada di kem tentera ini kita hapuskan kerana saya telah didatangi oleh beberapa pegawai-pegawai muda yang baru sahaja menyertai angkatan tentera kita dan mereka menyatakan bahawa mereka terpaksa membayar yuran mes. Jadi sama ada mereka hendak minum tidak hendak minum, mereka terpaksa membayar yuran mes. Jadi mahu tidak mahu, oleh kerana mereka telah membayar yuran mes, mereka pergi ke mes dan akhir-akhirnya mereka juga menjadi mereka yang minum minuman keras dan sebagainya. Kalau perkara ini masih wujud di dalam Angkatan Tentera kita saya ingin mencadangkan supaya perkara ini dihapuskan

dan jikalau perkara ini telah pun dihapuskan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berkenaan dengan P. 29, Butiran 10—Pusat Latihan Bekas Tentera Sungai Buloh. Sebagaimana telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang tadi hari ini oleh kerana Angkatan Tentera kita sedang membesar dan oleh kerana Angkatan Tentera kita juga besar maka sudah tentulah pada sebilang tahun ramai juga Angkatan Tentera kita yang akan bersara dan kepada mereka ini kadangkala apabila mereka bersara umur mereka baru 40 tahun. Jadi saya ingin menyarankan di sini supaya latihan yang hendak kita beri kepada bekas-bekas tentera kita ini mestilah latihan-latihan yang boleh digunakan oleh bekas tentera kita ini apabila mereka bersara kelak.

Di kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya telah didatangi oleh beberapa orang bekas-bekas tentera yang mana mereka mendapat latihan berkenaan dengan menyimpan kira-kira (book-keeping) tetapi apabila mereka minta kerja, kerja yang dipohon oleh mereka itu adalah sebagai Pengawas Pembalakan ataupun tukang kebun di sekolah dan sebagainya. Jadi sudah tentulah latihan yang diterima oleh mereka ini tidak sesuai dengan kerja-kerja yang hendak dijalankan oleh mereka apabila mereka bersara kelak.

Oleh itu, saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian supaya satu kajian dibuat supaya satu penyelidikan dibuat kepada bekas-bekas tentera ini untuk mengambil tahu apakah pekerjaan-pekerjaan yang akan dipohon oleh mereka ini apabila mereka bersara kelak. Saya juga ingin menyarankan supaya pihak Kementerian ini, saya tahu telah pun ada mewujudkan satu pusat untuk mencari kerja kepada bekas-bekas tentera ini tetapi oleh kerana pusat ini hari ini belum begitu berkesan lagi, saya ingin menyarankan supaya pusat ini diperbesar. Kalau misalnya pusat ini kekurangan pekerja-pekerja, kita ambil pekerja-pekerja yang lebih oleh kerana bekas-bekas tentera kita ini jikalau kita tidak memberi perhatian yang sepenuhnya mereka juga akan menjadi satu

badan, satu anggota yang boleh mempincangkan pula keselamatan negara kita. Kerana mereka yang terlatih dalam bidang senjapati ini kalau kita tidak pelihara mereka, kalau kita tidak jaga kepentingan mereka kalau kita tidak beri mereka pekerjaan apabila mereka bersara sudah tentulah mereka ini akan menjadi satu ancaman pula kepada keselamatan negara kita. Alhamdulillah, setakat hari ini kita belum mendengar lagi bekas-bekas tentera kita menjadi ancaman kepada negara kita. Tetapi jikalau kebajikan mereka, jikalau welfare mereka tidak kita jagai, tidak kita peliharai dan tidak kita pupuk dengan begitu rupa, maka sudah tentu perasaan tidak puas hati akan timbul di kalangan mereka ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya bekas-bekas tentera kita yang telah bersara daripada perkhidmatan tentera ini misalnya hari ini kita hendak mengadakan Pasukan-pasukan Wataniah di kawasan-kawasan luar bandar, hari ini Pasukan-pasukan Wataniah itu dilatih oleh pelatih-pelatih yang datangnya daripada Angkatan Tentera sendiri. Buat masa yang akan datang, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Pasukan Wataniah ini diberi latihan oleh mereka yang sesuai dan layak yang telah pun bersara daripada Angkatan Tentera. Dengan ini kita dapat mewujudkan pekerjaan dan memberi pekerjaan kepada bekas-bekas tentera kita ini di kawasan-kawasan luar bandar. Hari ini boleh dikatakan setiap kampung di kawasan-kawasan luar bandar telah pun wujud Tentera Wataniah dan setiap kampung di kawasan luar bandar juga hari ini wujud Pasukan-pasukan Rela. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya bekas tentera kita dan bekas Polis kita digunakan untuk melatih anggota-anggota Rela dan juga anggota-anggota Wataniah ini. Dengan cara ini, selain daripada kita dapat memberikan pekerjaan kepada mereka, kita juga akan dapat memupuk taat setia mereka kepada negara kita ini berpanjangan. Setakat itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya akhiri dengan menyokong penuh peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.32 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka sentuh B. 29, muka halaman 279, Butiran 1100, Aktiviti (2) Perkhidmatan Tentera dan (4) Latihan.

Tuan Pengerusi, saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi Kerajaan Malaysia khasnya Kementerian Pertahanan untuk mengkaji semula pada keseluruhannya kebajikan yang ada dalam perkhidmatan tentera negara kita. Saya dapati bahawa skim kebajikan yang ada di dalam perkhidmatan tentera ini perlulah diperbaiki dan dikaji semula kerana saya sendiri adalah mendapat beberapa sungutan dan aduan daripada ahli-ahli tentera baik yang masih dalam perkhidmatan atau yang mereka sudah bersara.

Tuan Pengerusi, perkara ini saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini kerana sebagai pasukan keselamatan, sebagai pasukan yang mempertahankan keutuhan dan kemerdekaan negara kita, mereka seharusnya diberi satu perkhidmatan kebajikan yang memuaskan bukan sahaja dalam tempoh mereka berkhidmat tetapi juga dalam tempoh mereka bersara selepas bertahun-tahun bertungkus-lumus. Tuan Pengerusi, dalam tempoh perkhidmatan mereka soal kebajikan ini selalu ditimbulkan walaupun ianya tidak boleh didedahkan atau dibawa ke perhatian orang ramai kerana adanya peraturan yang tertentu menyekat mereka menyuarakan masalah-masalah mereka tetapi saya fikir peraturan-peraturan ini perlulah diubahsuakan supaya sekurang-kurangnya Ahli Parlimen sebagai Wakil Rakyat perlu diberikan tempat untuk menerima sungutan dan aduan mereka. Umpamanya, berkenaan dengan dua sungutan yang saya terima, saya diminta untuk merahsiakan nama mereka dan kawasan yang mereka berkhidmat umpamanya di daerah Kuala Lumpur dan juga di Melaka. Nampaknya mereka menunjukkan satu sikap yang sangat takut bila memberi tahu misalnya berkenaan perkhidmatan makanan. Makanan ini selalu merupakan satu perkara yang dipersoal-soalkan dalam perkhidmatan tentera di kem tertentu kerana kualiti makanan ini adalah sub-standard, buah-buahan, daging atau makanan tertentu yang dibekalkan. Saya

harap sistem tender yang diamalkan selama ini perlulah dikaji semula supaya makanan-makanan, minuman dan pakaian sebagai sebahagian perkhidmatan kebajikan tentera ini bolehlah diberikan keutamaan, jangan kita hanya minta pasukan keselamatan kita bertungkus lumus hingga mengurbankan nyawa mereka tetapi soal kebajikan mereka sudah dicuainya. Saya adalah memberikan perhatian yang berat atas sungutan yang saya terima.

Saya harap Kementerian Pertahanan boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyasat adakah benar atau tidak bahawa bekalan termasuk makanan yang dibekalkan untuk pasukan tentera kita ini adalah sub-standard atau tidak mengikut specifications dan syarat-syarat yang diisyaratkan dalam tender ini. Saya tidak bersetuju bahawa tender ini hanya dimonopolikan oleh beberapa golongan yang tertentu sahaja. Sepertimana yang dilaporkan saya harap masalah ini boleh dibetulkan dan diperbaiki bukan sahaja demi untuk menjimatkan wang rakyat, bukan sahaja untuk mempertingkatkan perkhidmatan kebajikan dalam tentera kita, juga yang lebih mustahak ialah bagaimana kita boleh memberikan satu perkhidmatan yang memuaskan sebagai menikmati perkhidmatan yang selalu mengurbankan nyawa pasukan keselamatan negara kita.

Satu masalah lagi yang ada berkaitan dengan perkhidmatan kebajikan tentera ialah skim persaraan (pension). Tuan Pengerusi, saya adalah perlu menarik perhatian Kementerian Pertahanan bahawa skim persaraan ini perlulah direview atau dikaji semula, kerana adanya berlaku satu perkara di mana terlibat satu golongan kerana terhadnya tempoh perkhidmatan dan juga terhadnya tempoh lamanya mereka bertugas maka sungguhpun mereka berkhidmat bertahun-tahun tetapi akhirnya mereka tidak layak untuk mendapat persaraan. Perkara ini adalah berlaku di Melaka dan juga di Kuala Lumpur. Saya harap perkara ini boleh disiasat, tetapi saya tidak boleh menjelaskan yang lebih lanjutnya tentang maklumat yang berkenaan kerana saya sudah memberi jaminan terhadap ahli-ahli tentera yang datang ke rumah saya untuk mengadu bahawa perkara ini kalau dispesifikasikan mereka akan menghadapi masalah tatatertib

yang sudah ada ternyata dalam peraturan-peraturan yang tertentu dalam perkhidmatan pertahanan. Tuan Pengerusi, tempoh persaraan atau pencen bagi pasukan keselamatan negara kita ini perlulah dipendekkan kerana memandangkan perkhidmatan mereka selalunya berbulan-bulan dalam hutan untuk menjalankan tugasnya dan juga memandangkan berat tanggungjawab mereka untuk mempertahankan kedaulatan negara kita, saya fikir tempoh untuk melayakkan seseorang ahli bersara dan menikmati berbagai faedah ini perlu dikaji semula, jangan ianya diselaras atau diseimbangkan dengan lain-lain skim perkhidmatan yang ada dalam perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak menyambung lagi?

Tuan Chan Teck Chan: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada lagi 12 minit pada hari Isnin depan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 23hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.